Isi Kandungan

P

Muqaddimah

الحمد لله، والصلاة والسلام على من لا نبيّ بعده، نبينا محمد بن عبد الله r . وبعد: -

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Nabi yang tidak ada lagi nabi selepas daripadanya, iaitu Nabi kita Muhammad bin Abdullah **r** .

Menyebarkan ilmu Islam mempunyai kesan yang besar dalam menjelaskan hakikat Islam, meneguhkan pendirian agama dan membangunkan umat. Berdasarkan tujuan yang murni ini Universiti Islam Madinah berusaha untuk merealisasikannya melalui jalan dakwah dan pendidikan.

Maka untuk memberi sumbangan ke arah mencapai matlamat tersebut, pihak Jabatan Kajian Ilmiah telah merancang dan menyediakan beberapa projek ilmiah yang bermatlamat, antaranya ialah kajian mengenai Islam dan keindahannya serta menyebarkannya dengan tujuan untuk membekalkan umat Islam dengan maklumat yang tepat dan sahih tentang Islam; aqidah dan syari‘ah.

Kajian mengenai “Rukun Islam” ini merupakan salah satu daripada program Jabatan Kajian Ilmiah. Pihak Jabatan telah meminta beberapa orang pensyarah di Universiti Islam supaya menulis tajuk yang telah dipilih, kemudian pihak Lajnah Ilmiah di Jabatan Kajian Ilmiah membuat semakan serta menyempurnakan bahagian-bahagian yang kurang sempurna kemudian mengeluarkannya dengan reka bentuk yang sesuai, dengan menekankan semua topik yang dibincangkan berdasarkan dalil daripada Kitab (al-Quran) dan Sunnah (al-Hadis).

Pihak Jabatan amat mengambil berat agar melalui kajian ini umat Islam di seluruh pelusuk dunia dapat menerima

ilmu-ilmu agama yang bermanfaat. Oleh itu pihak Jabatan telah menterjemahkannya ke dalam pelbagai bahasa antarabangsa dan menyebarkannya secara bercetak juga melalui laman-laman web (internet).

Kami memohon kepada Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Tinggi agar mengurniakan sebaik-baik ganjaran pahala kepada Kerajaan Arab Saudi di atas sumbangan besar yang telah diberikan untuk Islam, dengan menyebarkan dakwah serta mempertahankannya, juga apa yang telah diterima oleh Universiti Islam Madinah berupa sumbangan kewangan dan naungan.

Kami juga memohon kepada Allah *Subhanu wa Ta'ala* agar menjadikan kajian ini sebagai sesuatu yang memberi manfaat serta memberi taufik kepada kami untuk melaksanakan beberapa projek lain lagi dengan limpah kurnia-Nya. Juga agar Allah *Subhanu wa Ta'ala* memberi taufik kepada kita semua untuk melakukan perkara yang disukai dan diredhai-Nya, serta menjadikan kita semua dari kalangan para pendakwah dan pendokong kebenaran.

وصلى الله وسلّم وبارك على عبده ورسوله نبيّنا محمّد وعلى آله وصحبه وسلّم.

Allah sentiasa berselawat dan salam serta memberkati hamba dan rasul-Nya Nabi kita Muhammad dan ke atas keluarga serta sahabatnya.

Jabatan Kajian Ilmiah.

Rukun Pertama:

Mengaku bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah.

[شهادة أن لا إله إلا الله، وأن محمداً رسول الله]

Dua Kalimah Syahadah ini merupakan pintu masuk ke dalam Islam dan kedua-duanya merupakan Rukun Islam yang terbesar. Seseorang itu tidak dikira sebagai orang Islam kecuali dengan mengucapkan dua Kalimah Syahadah serta beramal dengan isi kandungannya dan dengan mengucapkannya, seorang kafir itu menjadi Islam.

1) Makna *Syahadah La ilaha illallah* (bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah).

Iaitu mengucapkannya serta mengetahui maknanya dan beramal dengan segala isi kandungan yang terkandung di dalamnya secara zahir dan batin.

Adapun mengucap dua Kalimah Syahadah dengan tidak mengetahui maknanya, juga tidak beramal dengan segala isi kandungan yang terdapat di dalamnya tidak memberi manfaat menurut *ijma'* (kesepakatan) ulama', bahkan ianya menjadi hujjah ke atas orang yang mengucapkannya.

Makna (*La ilaha illallah)* ialah: Tidak ada tuhan yang berhak disembah dengan sebenarnya kecuali Allah Yang Maha Esa *Subhanahu wa Ta'ala* (Yang Maha Suci dan Maha Tinggi).

Kalimah Syahadah ini mempunyai dua rukun iaitu: "*An-Nafyu*" dan "*al-Isbat*", menafikan semua ketuhanan yang lain selain daripada Allah Ta'ala dan mengisbatkan ketuhanan bagi Allah yang Esa tidak ada sekutu baginya.

Syahadah ini juga mengandungi makna mengkufurkan (mengingkarkan) *thaghut* -iaitu semua benda yang disembah selain daripada Allah Ta'ala yang terdiri daripada manusia, batu, pokok, hawa nafsu atau shahwat-membencinya serta berlepas diri daripadanya. Sesiapa yang mengucapkannya tetapi tidak mengkufuri semua perkara yang disembah selain daripada Allah maka dia tidak memenuhi kehendak kalimah ini. Firman Allah Ta'ala:

[illegible] .(163 :البقرة)

"*Dan Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia Yang Sangat Memberi Rahmat dan Kasihan Belas*". (Al-Baqarah: 163).

Firman Allah Ta'ala:

[illegible] .(256 :البقرة)

"*Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama Islam, sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Sesiapa yang mengingkari thaghut (syaitan dan apa saja yang disembah selain daripada Allah) dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan tali (Iman) yang amat kuat dan tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui*". (Al-Baqarah: 256).

Makna ‘*al-Ilah*’ ialah Tuhan yang disembah dengan sebenarnya. Sesiapa yang hanya beri’tiqad bahawa ‘*al-Ilah*’ ialah Tuhan yang menciptakan, memberi rezeki atau berkuasa mencipta sesuatu, dengan beriman bahawa perkara tersebut sahaja telah memadai dengan tidak perlu lagi mengesakan Allah dalam beribadat maka sesungguhnya ucapan “*La ilaha illallah*” yang diucapkannya tidak memberi manfaat kepadanya di dunia untuk memasuki Islam dan seterusnya tidak dapat melepaskannya daripada seksaan yang kekal abadi di negeri akhirat.

Firman Allah Ta‘ala:

`Br •»Á óΟ$# ìΘ¡9$#ã7 îóƒ `B& Ç Ú öΟ$# ä$J¡9$# `Β Ν3è%ã• `Β @è â

bq®qà)Š¡ù •Ο$#â%ã `Br ÇÛ9$#šÆ Β Mh J9$#ß ì•ãr Mh J9$#`Β ¢ Û9$#ß ì•ã

.(31 :يونس) .á ÇÌÈ bqà)G? Ÿx ù& @à)ù ª! $#

“*Katakanlah: ‘Siapakah yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi, atau siapakah yang berkuasa (menciptakan) pendengaran dan penglihatan dan siapakah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan siapakah yang mengatur segala urusan?’ Maka mereka akan menjawab: ‘Allah’. Maka katakanlah: ‘Mengapa kamu tidak bertakwa (kepada-Nya)?*”. (Yunus: 31).

Firman Allah Ta‘ala:

.(87 :الزخرف) á ÇÑÈ bq3ùs÷ã4¯Tù ª! $£9qà)‹9 Νß)=z ôΒ Νßγø9r™ ûÈr â

“*Dan sesungguhnya jika kamu bertanya kepada mereka: Siapakah yang menciptakan mereka? Nescaya mereka akan menjawab: ‘Allah’. Maka bagaimanakah mereka dapat dipalingkan (dari menyembah Allah)*?”. (Az-Zukhruf: 87).

2) Syarat-syarat (kesempurnaan) Kalimah Tauhid.

1- Mengetahui maknanya -*nafi* dan *isbat*- Ilmu yang menafikan kejahilan, menafikan semua ibadat kepada selain daripada Allah dan mengisbatkan ibadat kepada-Nya Yang Esa tidak ada sekutu baginya dan tidak ada yang berhak untuk disembah selain daripada-Nya.

2- Yakin dengan menafikan semua bentuk keraguan (terhadap Allah), iaitu mengucapkannya dengan penuh keyakinan, tenang hatinya dengan apa yang diucapkan serta yakin terhadap semua perkara yang terkandung di dalamnya dengan keyakinan yang tidak berbelah bagi.

3- Menerima sepenuhnya dan menafikan semua perkara yang bercanggah dengannya. Iaitu dengan menerima semua perkara yang berhubung dengan kalimah ini dan apa yang diucapkannya, maka hendaklah dia membenarkan semua perkara yang disampaikan melalui *akhbar* (al-Quran dan al-Hadis), mentaati semua suruhan dan menjauhi semua larangan, juga tidak menolak semua *nas* (al-Quran atau al-Hadis) dan tidak men*takwil*kannya.

4- Patuh dengan menafikan perkara yang boleh meninggalkannya, iaitu dengan tunduk dan patuh kepada semua perkara yang ditunjukkan oleh kalimah itu sama ada secara zahir atau batin.

5- Benar yang menafikan pendustaan, iaitu mengucapkannya dengan benar terbit daripada hati, ucapan dengan lidah bertepatan dengan apa yang terkandung dalam hati, zahir dan batin.

Sesiapa yang mengucap dua Kalimah Syahadah dengan lidah, tetapi mengingkari apa yang terkandung dalamnya dengan hatinya maka sesungguhnya ucapannya tidak memberi manfaat kepadanya, sama seperti keadaan orang

munafiq yang berkata dengan lidah tetapi bercanggah dengan pegangan hatinya.

6- Ikhlas yang menafikan perbuatan syirik. Iaitu seorang hamba membersihkan amalannya daripada sebarang bentuk syirik dengan niat yang baik. Firman Allah Ta‘ala:

.(البينة: 5) á ÇÎÈ ä$ÿZã ûïÏ$!$ã ûüÅ ÎÏè ©!$#(r߉ç6÷èu‹Ï9 žwÎ) (#ÿrâÉDé& !$tBr â

“*Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya*”. (Al-Bayyinah: 5).

7- Mahabbah (cinta) yang menafikan kemarahan. Iaitu dengan mengasihi kalimah ini serta perkara yang terkandung di dalam pengertiannya dan menunjukkannya, mengasihi orang-orang yang beriltizam (komited) dengan syarat-syaratnya serta membenci perkara-perkara yang bercanggah dengannya. Tanda mahabbah (cinta) ini ialah mendahulukan kasih dan cinta kepada Allah walaupun berlawanan dengan kehendak nafsu, memerangi perkara yang dimurkai oleh Allah walaupun ianya dikehendaki oleh nafsu, berkasih-sayang dengan orang-orang yang ber*wala’*kan (meletakkan ketaatan dan kepatuhan) kepada Allah dan Rasul-Nya serta memusuhi orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya.

Firman Allah Ta‘ala:

$RÎ) öNÍBöq)9 (#qä9$% øŒÎ) ¼çmèB ûïÏ%©!$#r OŠÏdºtö/Î) þÎû ×puZ|¡ym îouq™é& öNä3s9 ôMtR%. ô‰s% â

ãr‰èŒø9$#r äouZ÷èr $ZY÷/ #‰t/r öNà3ΎÎ/ $RÏY. «!$# Èbrߊ `B br߉ç7÷è? $£ϑÏBr öNä3ZB (#ät/ç

.(الممتحنة: 4) á ÿ‰ômr «!$$Î/ (#qãZÏB÷sè? 4Ó®Lym #‰t/r ãNÒ ø7Ï9$#

“*Sesungguhnya, telah ada suri tauladan yang baik bagi kamu pada Nabi Ibrahim dan orang-orang yang bersama*

dengannya, ketika mereka berkata kepada kaum mereka: 'Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah selain Allah, kami ingkari (kekafiran) mu dan telah nyata antara kami dan kamu permusuhan dan kebencian buat selama-lamanya sehinggalah kamu beriman kepada Allah sahaja". (Al-Mumtahanah: 4).

Firman Allah Ta'ala:

ûïÉ9$# « $Ë ß . Nåq6Ïtä #Ÿ#‰R& « $Èrß `Ï ä Ï, Gƒ `B Ä $Z9$šÆ Ïr â

á ÇîÎÈ º! ${ã‰©& (#þqãZB#ä (البقرة: 165).

"*Dan di antara manusia ada orang yang menyembah sekutu-sekutu selain Allah; mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman sangat cinta kepada Allah*".
(Al-Baqarah: 165).

Sesiapa yang berkata: (*La ilaha illallah*) tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dengan ikhlas, yakin dan suci daripada melakukan syirik besar atau kecil, *bid'ah* (mereka-reka ibadah yang tidak ada asal daripada Nabi r) dan segala maksiat, maka baginya hidayah petunjuk daripada kesesatan di dunia, selamat daripada azab dan terhindar daripada api neraka.

Seseorang hamba itu wajib menyempurnakan syarat-syarat ini. Makna penyempurnaan syarat-syarat ini ialah dengan terkumpulnya syarat-syarat tersebut pada seseorang hamba serta sentiasa beriltizam dengannya dan tidak disyaratkan menghafalnya.

Kalimah yang agung ini (*La ilaha illallah*) adalah tauhid *Uluhiyyah*, yang merupakan bahagian tauhid yang amat penting yang telah berlaku perselisihan *(khilaf)* pendapat di antara nabi-nabi dan kaum mereka. Untuk men*tahqiq*kan

(merealisasikan) tauhid ini Allah mengutuskan para rasul sebagaimana firman Allah Ta‘ala:

(#qç7Ï^tFô_$#ur ©!$# (#rßç6ôã$# Âcr& »wqß™§‘ 7p¨Bé& Èe@à2 ’Îû $uZ÷Wyèt/ ô‰s)s9ur â

.(النحل: 36) á ÇÌÏÈ |Nqäó»©Ü9$#

“*Dan sesungguhnya kami telah mengutus rasul pada tiap-tiap ummah (untuk menyeru): Sembahlah Allah (sahaja) dan jauhilah thaghut*”. (Al-Nahl: 36).

Firman Allah Ta‘ala:

OtRr& HwÎ) tm»s9Î) Iw ¼çm¯Rr& Ïmøs9Î) ûÓÇqçR žwÎ) @Aqß™§‘ `ÏB š•Î=ö6s% `ÏB $uZù=y™ö‘r& !$tBur â

.(الأنبياء: 25) á ÇËÎÈ Èbrßç7ôã$$sù

“*Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum kamu melainkan Kami wahyukan kepadanya: “Bahawasanya tidak ada Tuhan yang hak melainkan Aku, maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku*”. (Al-Anbiya’: 25).

Apabila disebut nama tauhid maka yang dimaksudkan ialah: *Tauhid Uluhiyyah*.

Ta’rif Tauhid *Uluhiyyah:*

Tauhid *Uluhiyyah* ialah berikrar (mengaku) bahawa Allah sahajalah yang memiliki hak ketuhanan dan *‘ubudiyyah* ke atas semua makhluk-Nya dan hak untuk mengkhususkan peribadatan kepada-Nya, tidak ada sekutu bagi-Nya.

Nama-nama Tauhid *Uluhiyyah:*

Tauhid ini dinamakan *Tauhid al-Uluhiyyah* atau *Tauhid al-Ilahiyyah* kerana ia terbina di atas keikhlasan beribadat -iaitu kecintaan yang sepenuhnya- kepada Allah Yang Maha Esa dan dinamakan dengan nama-nama berikut:

a- Tauhid *al-'Ibadah* atau *al-'Ubudiyyah*, kerana ianya dibina di atas dasar ikhlas beribadat kepada Allah Yang Maha Esa.

b- Tauhid *al-Iradah*, kerana ianya dibina di atas dasar beramal semata-mata *iradah* (berkendakkan) keredhaan Allah.

c- Tauhid *al-Qasd*, kerana ianya dibina di atas dasar mengikhlaskan niat yang membawa kepada ikhlas beribadat kepada Allah Yang Maha Esa.

d- Tauhid *at-Tholab*, kerana ianya dibina di atas dasar mengikhlaskan semua permintaan dan tuntutan daripada Allah Ta'ala.

e- Tauhid *al-'Amal*, kerana ianya dibina di atas dasar ikhlas beramal kerana Allah Ta'ala.

Hukum mengetahui Tauhid *Uluhiyyah*.

Mengetahui *Tauhid Uluhiyyah* menjadi kewajipan ke atas setiap hamba. Tidak Islam seseorang itu kecuali dengan mengakuinya dan tidak terlepas daripada api neraka kecuali dengan beri'tiqad (berpegang) dengannya serta beramal dengan segala ajaran yang terkandung di dalamnya. *Tauhid Uluhiyyah* merupakan asas pertama yang diwajibkan ke atas setiap *mukallaf* (orang yang berakal dan baligh -cukup umur-) beri'tiqad dan beramal dengannya, asas pertama yang wajib dimulakan dalam dakwah menyeru manusia dan mengajarkannya kepada mereka. Inilah pendapat yang benar dan pendapat yang sebaliknya adalah tidak tepat.

Dalil yang menunjukkan kewajipan ini telah disebut dalam al-Quran dan as-Sunnah, bahawa sesungguhnya Allah Ta‘ala menciptakan makhluk serta menurunkan kitab-kitab untuk memperjelaskannya. Firman Allah Ta‘ala:

á ÇÌÏÈ É> $«B ïn ö)r (qãš ïnø) ÿïnÎ 8Î ö éWr ©$%çã ÐÝV éÉé$JR Î @è â

(الرعد: 36).

“*Katakanlah: ‘Sesungguhnya aku hanya diperintah untuk menyembah Allah dan tidak mempersekutukan sesuatupun dengan Dia. Hanya kepada-Nya aku menyeru (manusia) dan hanya kepada-Nya aku kembali*”. (Ar-Ra’d: 36).

Firman Allah Ta‘ala:

á ÇÎÏÈ Èbr߉ç7÷èu‹Ï9 žwÎ) §RM}$#r £`Ågø:$# àMø)n=yz $Br â (الذاريات: 56).

“*Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku*”. (Az-Zariyat: 56).

Sabda Nabi **r** kepada Mu‘az **t** :

((**إنك تأتي قوماً من أهل الكتاب، فليكن أول ما تدعوهم إليه شهادة أن لا إله إلا الله، فإن هم أطاعوك لذلك، فأعلمهم أن الله افترض عليهم خمس صلوات في كل يوم وليلة؛ فإن هم أطاعوك لذلك، فأعلمهم أن الله افترض عليهم صدقة، تؤخذ من أغنيائهم، فترد على فقرائهم** ...)) الحديث أخرجه البخاري ومسلم.

“*Engkau akan menemui Ahli Kitab (Yahudi atau Kristian) maka perkara pertama yang perlu engkau dakwahkan kepada mereka ialah mengakui la ilaha illallah, sekiranya mereka menerima apa yang engkau ajarkan kepada mereka maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka lima solat setiap sehari semalam, sekiranya mereka menerima apa yang engkau ajarkan kepada mereka maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka*

mengeluarkan sedekah (zakat) yang diambil daripada orang-orang yang kaya dan dibahagikan kepada golongan orang-orang miskin dari kalangan mereka…”. (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Tauhid Uluhiyyah ialah amalan yang paling afdhal secara keseluruhannya dan menjadi penghapus segala dosa dan kesalahan, Imam al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan hadis daripada ‘Itban **t** , sabda Nabi **r** :

((فإن الله حرم على النار من قال: لا إله إلا الله، يبتغي بذلك وجه الله)).

“*Sesungguhnya Allah mengharamkan api neraka bagi sesiapa yang berkata: La ilaha illallah dengan ucapan yang ikhlas menuntut keredhaan Allah*”.

Semua Rasul menyeru kepada Kalimah Tauhid.

Telah sepakat para rasul menyeru kaum mereka kepada kalimah *La ilaha illallah* (tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah) dan menakutkan mereka daripada menolaknya sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al-Quran dalam beberapa ayat yang banyak. Firman Allah Ta‘ala:

$tBur $uZù=y™ö‘r& `ÏB y7Î=ö6s% `ÏB @Aqß™§‘ žwÎ) ûÓÇrqçR Ïmø‹s9Î) ¼çmR& Iw tm»s9Î) HwÎ) O$tRr&

Èbr߉ç7ôã$$sù á ÇËÎÈ (الأنبياء: 25).

“*Dan Kami tidak mengutuskan seorang rasul pun sebelum kamu melainkan Kami wahyukan kepadanya: “Bahawasanya tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Aku, maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku*”. (Al-Anbiya’: 25).

Rasulullah **r** telah membuat perbandingan *ittifaq* (persepakatan) para nabi dalam dakwah mereka kepada tauhid dengan sabdanya:

((أن الأنبياء إخوة لعلات، أمهاتهم شتى، ودينهم واحد))

"*Para nabi adalah umpama adik beradik tiri (sebelah ibu), ibu mereka berlainan tapi bapa mereka satu*".

Asal agama para nabi ialah satu iaitu Tauhid kepada Allah walaupun berlainan cabang syari'at, sebagaimana anak-anak yang berlainan ibu tetapi bapa mereka sama.

3) Makna Syahadah *Anna Muhammadar Rasulullah* (Nabi Muhammad utusan Allah).

a) **Makna syahadah** *Anna Muhammadar Rasulullah* (Nabi Muhammad utusan Allah) ialah mematuhi segala perkara yang disuruh olehnya dan membenarkan apa yang disampaikan serta menjauhi segala perkara yang dilarang dengan tidak melakukan ibadat kepada Allah melainkan menurut ajaran yang telah disyara'kan olehnya.

b) **Tahqiq (merealisasikan) syahadah** *Anna Muhammadar Rasulullah* (Nabi Muhammad utusan Allah).

Terlaksananya syahadah *Anna Muhammadar Rasulullah* dengan keimanan dan keyakinan yang sempurna bahawa Nabi Muhammad r adalah hamba Allah dan utusan-Nya, yang diutuskan kepada semua kalangan jin dan manusia. Baginda adalah penyudah segala nabi dan rasul. Baginda juga merupakan seorang hamba yang hampir di sisi Allah namun Baginda tidak memiliki ciri-ciri ketuhanan. Syahadah ini juga terlaksana dengan mengikuti ajarannya, mengagungkan suruhan dan larangannya serta beriltizam dengan sunnahnya; dalam perkataan, perbuatan dan i'tiqad. Firman Allah Ta'ala:

.(الأعراف: 158) á ÇÎÎÈ $èŠÏd Nà6 ö9Î) « $Aq ß' '† Ú Z $Z9$$gf'»f @è â

"*Katakanlah: Wahai manusia, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kamu semua*". (Al-A'raf: 158).

Firman Allah Ta'ala:

.(28 :سبأ) á ÇÈ #•ƒÉRr #Ž•± Ä $Y=Ï ùQ$Y2 žwÎ) 7»YùTM¯r& $Br â

"*Dan Kami tidak mengutuskan kamu, melainkan kepada manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan*". (Saba': 28).

Firman Allah Ta'ala:

á ÇÈ `¿ŠÎY9$O?$ zr «! $AqR§ `Å»9r Nä3 `ň `Ï %n& $/& ‰£tê b%. $B â

.(40 :الأحزاب)

"*Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapa daripada seorang lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup sekalian nabi*". (Al-Ahzab: 40).

Firman Allah Ta'ala:

.(93 :الإسراء) á ÇÈ wqR§#Ž³0 žwÎ) MZä @d 'ň b$s7ß @è â

"*Katakanlah: Maha Suci Tuhanku, bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul*". (Al-Isra': 93).

Syahadah ini mengandungi beberapa perkara:

Pertama: Mengakui tentang kerasulannya dan beri'tiqad di dalam hati.

Kedua: Melafazkan syahadah serta mengaku secara zahir dengan lidah.

Ketiga: Sentiasa mengamalkan semua kebenaran yang dibawanya serta meninggalkan segala kebatilan yang dilarangnya.

Firman Allah Ta'ala:

¾ïïG»JÎŸ2 r « $# ÚÆ Ïs÷ã " ¼©$ Ç©M$ ÖÉ9$ ïÎqß' r « $# (qãZB$«ù â

.(158 :الأعراف) á ÇÊÎÑÈ šc rß‰GôgE ÷Nà6 ª=èy9 çnqãèÎ7?$#r

"*Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi (tidak membaca dan tidak menulis) yang beriman kepada Allah dan kepada kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia supaya kamu mendapat petunjuk*". (Al-A'raf: 158).

Keempat: Membenarkan Rasulullah **r** terhadap semua perkara yang disampaikan.

Kelima: Mencintai Rasulullah **r** melebihi daripada sayang terhadap diri sendiri, harta, anak, kedua ibu bapa dan semua manusia kerana dia adalah Rasulullah. Mencintai Rasulullah adalah sebahagian daripada mencintai Allah dan kerana Allah.

Hakikat sebenar mencintai Rasulullah ialah dengan mengikuti perintahnya, menjauhi larangannya, menolong serta membantunya. Firman Allah Ta'ala:

á ö/ä3t/qçRèŒ ö/ä3s9 öÏÿøótr ª! $# ãNà6ö7Î6ósã ' ÏRqãèÎ7?$$ù ©!$# bq7Ïtéç ÷LäêZä. bÎ) ö@è% â

.(آل عمران: 31)

"*Katakanlah: Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu*". (Aali 'Imran: 31).

Sabda Nabi **r**:

((لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من والده وولده والناس أجمعين))

متفق عليه من حديث أنس **t** .

"*Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehinggalah dia menyayangi aku lebih daripada bapanya, anaknya dan manusia seluruhnya*". (Muttafaq 'alaih daripada hadis yang diriwayatkan oleh Anas **t**).

Firman Allah Ta‘ala:

ÿçèB AÌRéü ï%©$‘qZ9$#(qãè7?$#r çnrãÁRr çnrâ‘ãr ¾Ïmî/ (qãZB#ä šú ïÏ%©$$sù â

.(157 :الأعراف) á ÇÐÎÊ šc qßsÎ=øÿßJø9$# ãNèd 7Í»s9'ré

“*Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang-orang yang beruntung*”. (Al-A’raf: 157).

Keenam: Beramal dengan Sunnahnya, meletakkan Sunnah mendahului semua ucapan (pendapat) orang lain, mematuhi perintahnya, menjadikan syari‘atnya sebagai hukum serta meredhainya. Firman Allah Ta‘ala:

þÎ (r%Ë÷ ÷w §NèO öNæhuZ÷ t/ tyfx© $yJÏù 8qßJÅsãä† 4Ó®Lym šcqãZÏB÷sãƒ Ÿw y7În/u‘ ur Ÿxsù â

.(65 :النساء) á ÇÏÎÈ $VJŠÎ=ó¡s? (qßJÏk=|¡çur |MøŠŸÒs% $£JÏiB %[`tym öNÎhÅ¡àÿRr&

“*Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap keputusan yang kamu tetapkan dan mereka menerima dengan sepenuhnya*”. (An-Nisa’: 65).

4) **Fadhilat Dua Kalimah Syahadah.**

Kalimah Tauhid mempunyai kelebihan yang sangat besar sebagaimana yang telah dijelaskan oleh al-Quran dan as-Sunnah, antaranya:

a-Kalimah Tauhid adalah Rukun Islam yang pertama, asal agama dan asasnya, merupakan perkara awal yang membawa seseorang hamba ke dalam Islam dan dengannya tertegak langit dan bumi.

b- Kalimah Tauhid menjadi sebab terpeliharanya darah dan harta seseorang hamba, sesiapa yang mengucapkannya akan menyebabkan darah dan hartanya terpelihara.

c- Kalimah Tauhid merupakan amalan yang paling afdhal secara mutlak, amalan yang sangat besar menjadi penghapus dosa, sebab yang membawa seseorang ke syurga dan melepaskannya daripada api neraka, sekiranya diletakkan tujuh petala langit dan tujuh lapis bumi dalam neraca dan *La ilaha illallah* dalam neraca yang lain nescaya *La ilaha illallah* lebih berat lagi timbangannya. Sabda Nabi **r** yang diriwayatkan oleh Muslim:

((من شهد أن لا إله إلا الله، وأن محمداً عبده ورسوله، حرّم الله عليه النّار)).

"*Sesiapa yang mengucap: Bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah hamba dan Rasul-Nya nescaya Allah haramkan api neraka daripada menyentuhnya*".

d- Telah terkumpul di dalam Kalimah Tauhid; zikir, doa dan pujian, merangkumi doa ibadah dan doa permintaan (*al-mas-alah*), merupakan zikir yang paling banyak dan paling senang didapatinya, ia juga dikenali dengan nama *al-Kalimah at-Thoyyibah* (ucapan yang baik), simpulan (pegangan) yang sangat teguh, *Kalimah al-Ikhlas*, dengannya tertegak langit dan bumi, kerananya dijadikan makhluk, diutuskan para rasul, diturunkan kitab-kitab, untuk melengkapinya disyari'atkan amalan fardhu dan sunat, untuk menjaganya di hunuskan pedang untuk berjihad, sesiapa yang mengucapkannya, beramal dengannya secara benar, ikhlas, penuh penerimaan dan cintakannya akan dimasukkan ke dalam syurga menurut kadar amalannya.

*   *   *

Rukun Kedua:
Solat [الصـــــلاة]

Solat merupakan ibadat yang sangat besar kedudukannya dan paling jelas dalilnya. Islam sangat mengambil berat tentang solat, maka dijelaskan fadhilat dan kedudukannya di antara ibadat-ibadat yang lain. Solat menjadi penghubung antara hamba dengan Tuhannya, dengan menunaikannya jelas seorang hamba itu mengikut perintah Tuhannya.

1) Ta’rif Solat.

Pengertian solat: **Menurut bahasa Arab**, *solat ertinya doa*, sebagaimana firman Allah Ta‘ala:

.(103 :التوبة) á ÇÌÈ Nç Ö3™ 7 ?q ¹ b) Ngøæ @ ¹ r â

“*Dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu menjadikan jiwa mereka tenteram*”. (At-Taubah: 103).

Menurut istilah pula, *solat ialah suatu ibadat yang mengandungi perkataan dan perbuatan yang tertentu, dimulakan dengan 'takbiratul ihram’ dan disudahi dengan mengucap salam.*

Yang dimaksudkan dengan ‘*perkataan*’: Takbir, membaca al-Quran, tasbih, doa dan lainnya.

Yang dimaksudkan dengan ‘*perbuatan*’: Berdiri (*qiyam*), rukuk, sujud, duduk (di antara dua sujud dan tahiyyat) dan lainnya.

2) Kedudukan solat di sisi para Nabi dan Rasul *'alaihimussalam*.

Solat merupakan salah satu ibadat yang disyari'atkan dalam agama *Samawi* (yang diturunkan dari langit) yang terdahulu sebelum kebangkitan Nabi Muhammad **r**. Nabi Ibrahim **u** telah berdoa kepada Tuhan untuk dirinya juga zuriatnya agar dapat mendirikan solat sebagaimana firman Allah Ta'ala:

.(40 :إبراهيم) á ÇÍÈ ÓÉÍhê `Br ó4=Á 9$OŠÉ)ã ÓÍ_tèô_$Éõ ' â

"*Wahai Tuhanku, jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat*". (Ibrahim: 40).

Begitu juga Nabi Ismail **u** menyuruh keluarganya mendirikan solat sebagaimana firman Allah Ta'ala:

.(55 :مريم) á ÇÎÎÈ ó4."9$r ó4=Á 9$Î ¼ã#d& ãBù'ƒ b%.r â

"*Dan dia menyuruh keluarganya untuk bersolat dan menunaikan zakat*". (Maryam: 55).

Firman Allah Ta'ala sewaktu berkata-kata dengan Nabi Musa **u** :

.(14 :طه) á ü" Ìò2 %Î o4=Á 9$ÉO%&r 'Î%ç ã$Î ŸR& wÎ) m»9Î) Iw ª! $R& ÓÍ_R) â

"*Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Aku. Maka sembahlah Aku dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku*". (Thaha: 14).

Allah Ta'ala telah berpesan kepada Nabi 'Isa **u** agar mendirikan solat sebagaimana firman-Nya:

$B ó4Ÿ2 "9$r ó4=Á 9$Î ÓÍ_»|¹ r&r àMZà2 $B ûïr& %º'$7B ÓÍ_=è_r â

.(31 :مريم) á ÇÌÊÈ $|m àMBߊ

"*Dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana saja aku berada dan Dia memerintahkan kepadaku*

(mendirikan) solat dan (menunaikan) zakat selama aku hidup". (Maryam: 31).

Allah Ta'ala telah memfardhukan solat ke atas Nabi kita Muhammad r di langit pada malam Isra' dan Mi'raj. Pada awalnya difardhukan sebanyak 50 solat kemudian dikurangkan sehingga kepada 5 solat sahaja. Menunaikan 5 solat pahalanya sama dengan 50 kali solat.

Solat lima waktu ialah: Fajar (Subuh), Zuhur, Asar, Maghrib dan Isya'. Kefardhuannya telah ditetapkan melalui persepakatan (ijma') ulama'-ulama' Islam.

3) Dalil fardhu solat.

Telah sabit (tetap) kefardhuan solat dengan dalil-dalil yang banyak. Antaranya:

1- Dalil dari al-Quran.

Firman Allah Ta'ala:

(البقرة: 43). á ÇÎÈ o4."9$(q2ãr o4-Á9$(q3Š%r â

"*Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat*". (Al-Baqarah: 43).

(النساء: 103). á ÇÌÉÈ $Y%qè%B $Y6»tFÏ. šú üÏZBsßJø9$' ?ã ôMR%. o4-Á9$b)â

"*Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman*". (An-Nisa': 103).

(q2s?ãr o4-Á9$(q3‹É)ãr ä!$xÿZãm úïÏe!$# ã&s! úüÅÁÎ=øƒèC ©!$#(r߉ç6÷èu‹Ï9 žwÎ) (ÿrâ÷DéBé& !$tBr â

(البينة: 5). á ÇÎÈ o4."9$

"*Pada hal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan keta'atan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus dan supaya*

mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat". (Al-Bayyinah: 5).

2- Dalil dari as-Sunnah.

1- Dari Ibnu Umar y, Rasulullah r bersabda:

((بني الإسلام على خمس، شهادة أن لا إله إلا الله، وأن محمداً رسول الله، وإقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، وحج البيت، وصوم رمضان)) متفق عليه.

"*Islam itu dibina di atas lima rukun: Mengucap syahadah 'Laa ilaaha illallah, Muhammadur Rasulullah', mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji di Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadhan*". (Muttafaq 'alaih: al-Bukhari dan Muslim).

2- Hadis Umar bin al-Khattab t, Rasulullah r bersabda:

((الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله، وأن محمداً رسول الله - r -، وتقيم الصلاة، وتؤتي الزكاة، وتصوم رمضان، وتحج البيت إن استطعت إليه سبيلاً...)) رواه مسلم.

"*Islam itu ialah engkau bersaksi bahawa tidak ada Tuhan yang berhak di sembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah apabila engkau mampu untuk mengerjakannya*…". (H. R Muslim).

3- Hadis Ibnu 'Abbas y, Nabi r telah mengutus Mu'az ke negeri Yaman, Baginda bersabda kepadanya:

((ادعهم إلى شهادة أن لا إله إلا الله، وأن محمداً رسول الله، فإن هم أطاعوك لذلك فأعلمهم أن الله افترض عليهم خمس صلوات في كل يوم وليلة...)) متفق عليه.

"*Serulah mereka kepada pengakuan bahawa tidak ada Tuhan yang berhak di sembah melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah. Jika mereka menerima ajakan engkau maka ajarkan mereka bahawa Allah telah*

memfardhukan ke atas mereka lima kali solat sehari semalam”. (H. R. Al-Bukhari dan Muslim).

3- Al-Ijma’.

Ulama’ Islam telah bersepakat (berijma’) di atas pensyari‘atan solat lima waktu dan sesungguhnya solat merupakan salah satu daripada kewajipan-kewajipan (fardhu) Islam.

4) Hikmah disyari‘atkan solat.

Solat yang telah disyari‘atkan mengandungi beberapa hikmah, mungkin boleh disebut sebahagian daripadanya:

a) Seorang hamba menzahirkan *‘ubudiyyah* (perhambaan) kepada Allah Ta‘ala. Sesungguhnya dia adalah milik Allah I. Dengan menunaikan solat seseorang insan menunjukkan *‘ubudiyyah* dan terasa dirinya sentiasa terikat dengan penciptanya Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi.

b) Solat menjadikan seseorang itu kuat hubungannya dengan Allah dan menjadikan dirinya sentiasa mengingati-Allah Ta‘ala.

c) Solat yang sebenar mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Solat juga merupakan salah satu sebab yang boleh membersihkan seseorang hamba daripada dosa dan kesalahan.

Semua yang tersebut telah dijelaskan oleh Rasulullah r sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jabir Bin Abdullah y, sabda Nabi r:

((**مثل الصلوات كمثل نهر جار يمر على باب أحدكم، يغتسل منه كل يوم خمس مرات**)) رواه مسلم.

“*Bandingan solat ialah seperti sebatang sungai yang mengalir di hadapan rumah seseorang daripada kamu,*

setiap hari dia mandi sebanyak lima kali (di sungai itu)". (H. R Muslim).

d) Solat membuatkan hati menjadi tenang, jiwa merasa lapang dan melepaskan seseorang itu daripada rasa susah yang mengeruhkan keceriaan hidup, kerana inilah solat menjadi penyejuk mata Rasulullah **r**. Baginda terus melakukan solat apabila ada perkara yang menyusahkannya. Nabi **r** bersabda kepada Bilal:

((**يا بلال! أرحنا بالصلاة**)) أخرجه أحمد.

"*Wahai Bilal, rehatkan kami dengan bersolat*". (H.R. Ahmad).

5) Orang yang diwajibkan solat.

Solat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang baligh, berakal, lelaki atau perempuan. Solat tidak wajib ke atas orang kafir, dengan erti kata yang lain mereka tidak dituntut supaya melakukannya di dunia kerana tidak sah bagi orang kafir mengerjakan solat, tetapi mereka akan diazab dengan sebab meninggalkannya di Hari Akhirat kerana mereka boleh melakukannya dengan memeluk Islam tetapi mereka tidak berbuat demikian. Dalilnya, firman Allah Ta'ala:

ã7 R ó9r ÇÎÈ û,#Á ß9$šÆ B ã7 R ó9 (q9$% ÇÍÈ •)™ 'Î óã 6 =™ $B â

Èë9$Qq‹Î Ü É3ç $Zär ÇÎÈ ûüÅ Í$/ø$ ì B ÞÚ qè $Zà2 r ÇÍÎÈ ûüÅó Ü9$ÑëÖç

.(47-42 :المدثر) á ÇÍÐÈ ßüÉ<9$$Y9?& ØLm ÇÎÈ

"*Apakah yang memasukkan kamu ke dalam (neraka) Saqar?. Mereka menjawab: Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan solat dan kami tidak (pula) memberi makan orang miskin dan adalah kami mengucapkan perkara yang batil bersama dengan orang-*

orang yang mengucapkannya dan adalah kami mendustakan hari pembalasan, hingga datang kepada kami kematian”. (Al-Muddassir: 42–47).

Solat tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak kerana mereka belum di*taklif* (dipertanggungjawabkan) lagi, demikian juga ke atas orang gila. Ia juga tidak wajib ke atas orang perempuan yang sedang haid dan nifas; kerana syara’ telah menggugurkannya daripada kedua-duanya dengan sebab yang tersebut.

Wajib ke atas *wali* (bapa / penjaga) kanak-kanak lelaki atau perempuan menyuruh kanak-kanak mereka melakukan solat apabila berumur 7 tahun, memukul mereka jika enggan menunaikan solat setelah berumur 10 tahun, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis, supaya mereka biasa melakukannya dan sentiasa menjaganya.

6) Hukum meninggalkan solat.

Sesiapa yang meninggalkan solat, dia telah kafir dan terkeluar daripada agama Islam. Dia telah murtad (keluar) daripada Islam; kerana dia telah menderhaka kepada Allah dengan meninggalkan rukun yang telah difardhukan oleh Allah ke atasnya. Maka dia diminta supaya bertaubat, jika dia bertaubat dan kembali menunaikannya maka diterima taubatnya, tetapi jika dia enggan, dia telah murtad (terkeluar) daripada Islam. Dia tidak boleh dimandikan, dikafankan dan disembahyangkan ke atasnya, juga tidak boleh dikebumikan di perkuburan orang Islam kerana dia bukan lagi orang Islam.

7) Syarat-syarat sah Solat.

a) Islam.
b) Berakal.
c) *Tamyiz:* dapat membezakan di antara perkara bersih dan kotor.
d) Masuk waktu.
e) Niat.
f) Menghadap kiblat.
g) Menutup aurat. Aurat lelaki: daripada pusat ke lutut. Aurat perempuan dalam solat: seluruh anggota kecuali muka dan dua tapak tangan.
h) Menghilangkan segala kotoran daripada pakaian, tubuh badan, tempat menunaikan solat.
i) Suci daripada hadas kecil iaitu dengan berwudhu dan suci daripada hadas besar dengan mandi junub.

8) Waktu Solat.

Zuhur: waktunya bermula dari gelincir matahari (iaitu matahari condong dari pertengahan langit ke arah barat) sehingga bayang seseorang itu menjadi sepertinya.

Asar: waktunya selepas keluar waktu zuhur hingga bayang menjadi dua kali ganda, iaitu apabila cahaya matahari menjadi kuning.

Maghrib: waktunya bermula dari terbenam matahari hingga kepada hilangnya cahaya merah di langit, iaitu cahaya merah di kaki langit selepas terbenam matahari.

Isya': waktunya bermula dengan keluarnya waktu maghrib hingga sampai setengah malam.

Fajar (subuh): waktunya apabila terbit fajar kedua hingga terbit matahari.

Dalilnya: Hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Amr y, Rasulullah r bersabda:

((وقت الظهر إذا زالت الشمس، وكان ظل الرجل كطوله، ما لم يحضر العصر، ووقت العصر ما لم تصفر الشمس، ووقت صلاة المغرب ما لم يغب الشفق، ووقت صلاة العشاء إلى نصف الليل الأوسط، ووقت صلاة الصبح من طلوع الفجر ما لم تطلع الشمس، فإذا طلعت الشمس فأمسك عن الصلاة...)) الحديث. رواه مسلم.

“*Waktu zuhur ialah apabila matahari condong di tengah langit dan ketika bayang seseorang itu sama dengannya hingga tiba waktu asar. Waktu solat asar pula ialah sehingga cahaya matahari menjadi kuning, waktu solat maghrib hingga hilang cahaya merah di langit, waktu solat isya’ sehingga seperdua malam, waktu solat subuh ialah apabila terbit fajar hinggalah terbit matahari, apabila terbit matahari maka berhentilah daripada solat*…” al-Hadis. (H.R. Muslim).

9) Bilangan Raka‘at Solat.

Bilangan raka‘at solat fardhu semuanya 17 raka'at, seperti berikut:

a- Zuhur: 4 raka‘at.

b- Asar: 4 raka‘at.

c- Maghrib: 3 raka‘at.

d- Isya’: 4 raka‘at.

e- Subuh: 2 raka‘at.

Sesiapa yang menambah bilangan raka‘at solat atau mengurangkannya maka solatnya batal jika dia sengaja melakukannya, tetapi jika dia terlupa bolehlah diperbetulkannya dengan melakukan sujud sahwi*.

(**Sujud sahwi*, ialah sujud dua kali kerana terlupa, sama ada tertambah, tertinggal atau syak dan ragu-ragu).

Bilangan tersebut ialah ketika solat biasa, bukan musafir. Bagi orang yang bermusafir disunatkan *qasar* (pendekkan) solat empat raka‘at kepada dua raka‘at.

Setiap muslim wajib melakukan solat lima waktu pada waktu yang telah ditentukan melainkan ada keuzuran yang dibenarkan syara’ seperti tertidur, terlupa dan bermusafir. Sesiapa yang tertidur daripada solat atau terlupa hendaklah dia melakukan solat apabila teringat.

10) Rukun Solat.

1- Berdiri bagi orang yang mampu.
2- Takbiratul Ihram (takbir ketika memulakan solat).
3- Membaca al-Fatihah.
4- Rukuk.
5- Bangun daripada rukuk (I’tidal).
6- Sujud di atas tujuh anggota.
7- Duduk di antara dua sujud.
8- Tasyahhud akhir.
9- Duduk tasyahhud akhir.
10-Toma’ninah (tetap) anggota sewaktu melaksanakan setiap satu daripada rukun ini.
11- Tertib di antara rukun-rukun.
12- Salam.

□

11) Perkara yang wajib dalam solat.

Perkara yang wajib dalam solat ada 8 perkara:

1- Semua 'takbir berpindah' daripada satu rukun kepada rukun yang lain, kecuali Takbiratul Ihram.

2- Ucapan: “ سمع الله لمن حمده ” wajib bagi imam dan orang perseorangan, makmum tidak wajib mengucapkannya.

3- Ucapan: " ربنا ولك الحمد " wajib ke atas semua, imam, makmum dan orang perseorangan.

4- Ucapan: " سبحان ربي العظيم " semasa rukuk.

5- Ucapan: " سبحان ربي الأعلى " semasa sujud.

6- Ucapan: "رب اغفر لي" semasa duduk di antara dua sujud.

7- Membaca tasyahhud awal:

((التحيّات لله، والصلوات الطيبات، السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته، السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين، أشهد أن لا إله إلا الله، وأشهد أن محمداً عبده ورسوله)).

atau bacaan tasyahhud seumpamanya menurut riwayat lain.

8- Duduk untuk membaca tasyahhud awal.

Sesiapa yang meninggalkan salah satu perkara wajib secara sengaja terbatallah solatnya, sesiapa yang meninggalkannya kerana jahil atau terlupa maka hendaklah dia melakukan sujud *sahwi* (sujud dua kali kerana terlupa).

12) Solat berjamaah.

Setiap lelaki muslim mesti menunaikan solat lima waktu secara berjamaah di masjid untuk mendapat pahala dan keredhaan daripada Allah I .

Solat berjamaah pahalanya 27 kali ganda dari solat secara bersendirian. Ianya disebutkan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar y, Rasulullah r bersabda:

((صلاة الجماعة أفضل من صلاة الفذ بسبع وعشرين درجة)) متفق عليه.

"*Solat berjamaah lebih afdhal daripada solat secara sendirian dengan 27 darjat*". (H.R. Bukhari dan Muslim).

Bagi orang perempuan, solat dirumahnya lebih afdhal daripada solat berjamaah di masjid.

13) Perkara-perkara yang membatalkan solat.

Solat terbatal apabila melakukan salah satu daripada perkara-perkara yang berikut:

1- Makan atau minum secara sengaja, kerana telah ijma' para ulama' iaitu sesiapa yang makan atau minum dengan sengaja, wajib ke atasnya mengulangi solat.

2- Bercakap dengan sengaja bukan kerana kemaslahatan solat. Menurut riwayat Zaid bin Arqam t katanya: "Kami pernah bercakap sewaktu solat, seseorang itu akan bercakap dengan rakan di sebelahnya sehinggalah turun ayat:

â (#qãBqè%r ¬! tûüFÏ»s% á ÇËÌÑÈ (البقرة: 238).

"*Berdirilah kerana Allah (dalam solatmu) dengan khusyu*". (Al-Baqarah: 238). Maka kami disuruh diam dan ditegah daripada bercakap". (H.R. Bukhari dan Muslim).

Demikian juga menurut ijma' ulama' iaitu sesiapa yang bercakap dengan sengaja, bukan untuk membetulkan solat maka rosak (batal)lah solatnya.

3- Melakukan gerakan yang banyak dengan sengaja. Untuk mengetahui kadar gerakan yang banyak ialah perbuatan yang sekiranya dipandang kepada seseorang itu, si pemandang merasakan seolah-olah dia bukan sedang mengerjakan solat.

4- Meninggalkan rukun atau syarat solat dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran seperti bersolat dengan tidak berwudhu' atau tidak menghadap ke arah kiblat, kerana Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Nabi r bersabda kepada seorang Badwi (orang kampung) yang tidak betul solatnya:

((ارجع فصل فإنك لم تصلّ))

"*Ulangi semula solatmu, kerana engkau belum melakukan solat dengan betul*".

5- Ketawa di dalam solat, telah ijma' ulama' bahawa solat terbatal dengan ketawa.

14) Waktu-waktu yang dilarang solat padanya.

a) Selepas solat subuh sehingga naik matahari.

b) Ketika matahari berada di tengah-tengah langit.

c) Selepas solat Asar hingga terbenam matahari.

Dalil yang menunjukkan solat dilarang pada waktu-waktu yang tersebut ialah hadis yang diriwayatkan oleh 'Uqbah bin 'Amir t katanya:

((ثلاث ساعات كان رسول الله r ينهانا أن نصلي فيهن، وأن نقبر فيهن موتانا، حين تطلع الشمس بازغة حتى ترتفع، وحين يقوم قائم الظهيرة حتى تميل الشمس، وحين تضيَّف الشمس للغروب حتى تغرب)) رواه مسلم.

"*Tiga waktu Rasululah r menegah kami melakukan solat dan mengebumikan jenazah orang-orang mati, iaitu ketika matahari terbit hingga ia naik, ketika orang yang tidur tengah hari bangun (waktu matahari tegak di tengah langit) sehingga matahari condong ke sebelah barat, ketika matahari hampir terbenam hingga ia terbenam*". (H.R. Muslim).

Juga berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id t bahawa Nabi r bersabda:

((لا صلاة بعد صلاة العصر حتى تغرب الشمس، ولا صلاة بعد صلاة الفجر حتى تطلع الشمس)). متفق عليه.

"*Jangan melakukan solat selepas solat Asar sehingga terbenam matahari dan selepas solat fajar (subuh) sehingga naik matahari*". (Muttafaq 'alaih).

15) Sifat (Cara-cara) Solat Secara Umum.

Setiap muslim wajib mengikuti Rasulullah r, termasuk mengikuti sifat solat Rasulullah r, kerana sabdanya:

((صلوا كما رأيتموني أصلي)) رواه البخاري.

"*Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersolat*". (H.R. Al-Bukhari).

Apabila Nabi r berdiri untuk solat menghadap Allah I, Baginda berniat solat dengan hatinya, tidak ada riwayat yang menunjukkan baginda melafazkan niat dengan lidahnya. Baginda bertakbir "*Allahu Akbar*", serta mengangkat kedua tangannya hingga menyamai dua bahunya, ada ketika baginda mengangkat tangan hingga menyamai cuping telinganya serta meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri di atas dadanya.

Baginda memulakan bacaan dengan membaca doa *iftitah* (pembuka solat):

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، وَتَبَارَكَ اسْمُكَ، وَتَعَالَى جَدُّكَ، وَلاَ إِلَهَ غَيْرُكَ.

Maksudnya: "*Maha Suci Engkau Ya Allah dengan memuji-Mu, berkat nama-Mu, tinggi kemuliaan-Mu dan tiada Tuhan yang berhak disembah selain-Mu*".

Kemudian membaca surah al-Fatihah dan surah lain, kemudian bertakbir sambil mengangkat kedua belah tangan serta melakukan rukuk dengan meluruskan belakang sewaktu rukuk, sehinggakan jika diletak air di atasnya tidak akan tumpah. Baginda membaca:

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ. Maksudnya: "*Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung*". 3 kali.

Kemudian Baginda mengangkat kepala sambil membaca:

سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ.

Maksudnya: “*Allah telah mendengar orang-orang yang memuji-Nya. Wahai Tuhan kami, bagi Engkau segala pujian*”.

Baginda mengangkat kedua-dua belah tangannya hingga betul-betul berdiri tegak, kemudian bertakbir dan sujud.

Sewaktu sujud baginda merenggangkan kedua belah tangannya daripada lambungnya sehingga nampak putih di bawah ketiaknya dan meletakkan dahi, hidung, dua tapak tangan, dua lutut dan hujung anak jari kaki di atas lantai sambil membaca: سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى. Maksudnya: “*Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi*”. 3 kali.

Kemudian bertakbir dan duduk *iftirash* iaitu duduk di atas kaki kiri dan mengangkat kaki kanan, serta anak-anak jarinya menghadap ke arah kiblat sambil membaca:

رَبِّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاجْبُرْنِي، وَاهْدِنِي، وَعَافِنِيْ، وَارْزُقْنِي، وَارْفَعْنِي.

Maksudnya: “*Ya Allah, ampunilah aku, kasihanilah aku, tambahkanlah untukku, pimpinlah aku, selamatkanlah aku, kurniakanlah rezeki kepadaku dan angkatlah darjatku*”.

Kemudian bertakbir dan melakukan sujud, kemudian bangun untuk menyempurnakan raka‘at kedua.

Demikianlah Rasulullah **r** melakukannya pada setiap raka‘at.

Apabila duduk selepas dua raka‘at untuk tasyahhud awal, baginda membaca:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، وَالصَّلَوَاتُ، وَالطَّيِّبَاتُ، السَّلامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

Maksudnya: “*Semua penghormatan milik Allah. Begitu juga kesejahteraan dan kebaikan. Selawat dan salam ke atas engkau wahai Nabi serta rahmat Allah dan berkatnya keatasmu. Salam sejahtera ke atas kita dan hamba Allah*

yang soleh. Aku mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan aku mengaku bahawa Muhammad itu hamba-Nya dan utusan-Nya”.

Hingga akhir tasyahhud.

Kemudian bangun sambil bertakbir serta mengangkat kedua-dua belah tangannya apabila telah tegak berdiri -inilah tempat keempat Baginda mengangkat tangannya dalam solat-.

Apabila duduk untuk tasyahhud akhir iaitu raka‘at ketiga solat maghrib, raka‘at keempat solat Zuhur, Asar dan Isya’, Baginda duduk *bertawarruk* iaitu duduk di atas papan punggung kiri, mengeluarkan kaki kiri di bawah betis kaki kanan serta mengangkat tapak kaki kanan menghadap ke arah kiblat, menggenggam anak-anak jari tangan kanan kecuali telunjuk untuk mengisyarat (sewaktu mengucap) atau menggerakkannya dengan menunjukkan pandangan mata kepadanya. Setelah selesai membaca tasyahhud, Baginda memberi salam ke sebelah kanannya dan kirinya dengan membaca:

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ، السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ .

Baginda berpaling hingga nampak putih kedua pipinya.

Sifat solat ini diambil daripada beberapa hadis Rasulullah r.

Inilah beberapa penjelasan hukum solat yang merupakan asas kepada penerimaan amalan. Apabila solatnya baik maka baiklah amalannya yang lain. Kalau solatnya rosak maka rosaklah semua amalannya. Solat ialah amalan yang mula-mula sekali dikira ke atas setiap hamba pada Hari Kiamat. Sesiapa yang menunaikannya dengan sempurna maka dia mendapat keredhaan Allah. Manakala sesiapa yang tidak menyempurnakannya akan binasa. Solat yang sebenarnya akan menegah dari perbuatan keji dan mungkar. Solat juga adalah penawar kepada diri manusia daripada

sebarang godaan kejahatan hingga membersihkannya daripada sebarang keburukan.

*   *   *

Rukun Ketiga:
Zakat (الزكاة).

1) Ta’rif Zakat.

Menurut bahasa Arab: Zakat ialah *subur dan bertambah*, biasanya digunakan perkataan ini untuk pujian, pembersihan dan kebaikan. Harta yang dikeluarkan dinamakan sebagai **'zakat'** kerana dengan membayar zakat harta bertambah berkat dan tuannya mendapat keampunan.

Zakat menurut istilah syara’ ialah: *Suatu kewajipan pada harta yang tertentu, untuk dibahagikan kepada golongan yang tertentu, pada masa yang tertentu*.

2) Kedudukan Zakat dalam Islam.

Zakat ialah salah satu Rukun Islam yang lima. Zakat disebut bersama dengan solat dalam beberapa ayat di dalam al-Quran, antaranya: firman Allah Ta‘ala:

.(43 :البقرة) á ÇÎÌÈ (#qè?#uäur no4qn=¢Á9$# (#qßJŠÏ%r&ur â

“*Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat*”. (Al-Baqarah: 43).

Firman Allah Ta‘ala:

.(5 :البينة) á ÇÎÈ (#qè?÷sãƒur no4qn=¢Á9$# (#qßJŠÉ)ãƒur â

“*Dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat*”. (Al-Bayyinah: 5).

Sabda Nabi r:

((**بني الإسلام على خمس...**)) وذكر منها ((**إيتاء الزكاة**)).

متفق عليه من حديث ابن عمر رضي الله عنهما.

"*Islam dibina di atas lima rukun*…" salah satu daripadanya: "*Mengeluarkan zakat*". (Muttafaq 'alaih) daripada hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar t .

Allah I mensyari'atkan zakat untuk menyucikan diri manusia daripada sifat kedekut, bakhil dan tamak. Zakat juga disyari'atkan untuk meringankan bebanan golongan fakir, miskin dan orang-orang yang memerlukan bantuan, membersihkan harta, menyuburkannya dan menjadikannya diberkati, memeliharanya daripada penyakit dan kerosakan, serta mendirikan keperluan umum yang membantu kepada kehidupan umat dan kebahagiaan mereka. Allah I telah menyebut hikmat disyari'atkan zakat dalam kitab-Nya, firman Allah Ta'ala:

.(103 :التوبة) á ÇÎÈ $k5 NíŽj.“ê r Nèdãgèz‰ ¹ NÏÎ¹qBx ôB õé{ â

"*Ambillah zakat sebahagian daripada harta mereka, (supaya dengan zakat itu) membersihkan dan menyucikan mereka*". (At-Taubah: 103).

3) Hukum mengeluarkan zakat.

Zakat adalah suatu fardhu yang diwajibkan ke atas setiap muslim yang memiliki harta yang cukup *nisab* (kadar yang dikenakan zakat) dengan syarat-syaratnya sehinggakan harta kepunyaan orang gila dan kanak-kanak juga dikenakan zakat. Adalah menjadi kewajipan ke atas wali (penjaga) mereka untuk mengeluarkannya.

Sesiapa yang mengingkari kewajipannya dengan sengaja sedangkan dia mengetahui akan hukum tersebut maka dia telah menjadi kafir.

Sesiapa yang tidak mahu mengeluarkan zakat kerana bakhil atau memandang ringan terhadap hukumnya maka dia menjadi fasiq dan telah melakukan satu kesalahan yang besar serta mendapat dosa besar. Dia berada di bawah

kehendak Allah (sama ada Allah menimpakan azab ke atasnya atau mengampunkannya) jika dia mati dalam keadaan tersebut, berdasarkan firman Allah Ta‘ala:

:النساء) á â$±„ `J9 7‰Œ br& $B ãÿøƒr ¾ìÎ 8Žô çb& ãÿøƒ ÷ ©$b) â

.(48

“*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik dan Dia mengampuni segala dosa selain daripada (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya*”. (An-Nisa’: 48).

Pihak pemerintah mesti mengambil zakat daripadanya serta mengenakan hukuman (*ta’zir*) ke atasnya kerana dia telah melakukan perbuatan yang haram.

Allah telah menjanjikan azab kepada golongan yang tidak mahu membayar zakat dengan firman-Nya:

«!$# È@‹Î6™ ’Îû $ktXqà)ÏÿZãƒ wr pžÒÏÿø9$#ur |=yd©%!$# šc rãÏYõ3tƒ šúïÏ%©!$#ur * â

$kÍ5 2” uqõ3çù OZgy_ Í‘$tR ’Îû $ygøŠn=tæ 4Jyÿøtä Pöqtƒ ÇÌÍÈ 5OŠÏ9r& A>#x‹yèÎ Nèd÷ŽÅe³t7ù

tbrâ”É\õ3s? óOçFZä. $tB (#qè%rä‹sù öNä3Å¡àÿRL{ öNè?÷”t\Ÿ2 $tB #x‹»yd (öNèdâ‘qßgàßur öNåkæ5qãZã_ur öNßgèd$t6Å_

.(35-34 :التوبة) á ÇÌÎÈ šc rãÏYõ3?

“*Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, (bahawa mereka akan mendapat) seksaan yang pedih. Pada hari dipanaskan (emas dan perak itu) dalam neraka jahanam, lalu dibakar dengannya dahi mereka, lambung dan belakang mereka (lalu dikatakan) kepada mereka: 'Inilah harta benda yang telah kamu simpan untuk dirimu sendiri maka rasakanlah sekarang (akibat daripada) apa yang kamu simpan itu*”. (At-Taubah: 34-35).

Dari Abu Hurairah t , sabda Nabi r :

((ما من صاحب كنز لا يؤدي زكاته، إلا أحمي عليه في نار جهنم، فيجعل صفائح، فيكوى بها جنباه وجبينه، حتى يحكم الله بين عباده في يوم كان مقداره خمسين ألف سنة، ثم يرى سبيله إما إلى الجنة، وإما إلى النار...)) الحديث متفق عليه، وهذا لفظ مسلم.

"*Sesiapa yang mempunyai harta yang banyak tetapi tidak mengeluarkan zakat maka dia akan dipanaskan dengan hartanya di dalam neraka jahanam, dengan dijadikannya sebagai besi kemudian digosokkan di sebelah kiri dan kanan rusuknya serta dahinya, sehingga Allah menyelesaikan perbicaraan di antara hamba-Nya pada hari yang tempoh (sehari) seperti lima puluh ribu tahun, selepas itu ditentukan jalannya sama ada ke syurga atau ke neraka*…" al-Hadis. (Muttafaq 'alaih, lafaz hadis ini menurut riwayat Muslim).

4) Syarat-syarat diwajibkan Zakat.

Syarat-syarat diwajibkan Zakat lima perkara:

Pertama: **Islam**. Tidak diwajibkan ke atas orang kafir.

Kedua: **Merdeka**. Tidak diwajibkan ke atas harta yang dimiliki oleh hamba, menurut kebanyakan ulama'. Demikian juga hamba *mukatab* (hamba yang ingin melepaskan dirinya daripada perhambaan dengan membayar harganya kepada tuannya), kerana dia masih dianggap sebagai hamba selagi belum habis membayarnya walaupun se*dirham*.

Ketiga: **Memiliki *Nisab*** (kadar yang dikenakan zakat). Sekiranya harta kurang daripada *nisab* yang ditetapkan maka tidak dikenakan zakat.

Keempat: Sempurna Milik. Tidak dikenakan zakat pada hutang daripada hamba yang ingin membebaskan dirinya, juga keuntungan daripada perniagaan *mudharabah*

yang belum dibahagikan, tidak juga pada hutang dengan orang yang susah sehingga dia menjelaskannya, demikian juga tidak dikenakan zakat kepada harta yang diwakafkan untuk jalan kebaikan dan kebajikan seperti; harta yang diwakafkan kepada para mujahidin, masjid, orang-orang miskin dan seumpamanya.

Kelima: ***Al-Haul*** (cukup masa setahun), tidak dikenakan zakat ke atas harta sehingga sampai masanya (*al-haul*), kecuali harta yang diperolehi daripada hasil bumi seperti bijirin (gandum, beras) dan buah-buahan yang dikenakan zakat. Zakatnya wajib dikeluarkan apabila menuai atau memetiknya, berdasarkan firman Allah Ta‘ala:

.(141 :الأنعام) á ÇÍÈ ¾íŠ$ Ám Qöf ¼çm (qèärâ

"*Dan tunaikanlah haknya pada hari memetik hasilnya (dengan dikeluarkan zakatnya)*". (Al-An‘am: 141).

Bahan galian dan harta *rikaz* (karun) hukumnya seperti hukum zakat tanaman, kerana harta ini dikira harta yang didapati daripada hasil bumi.

Anak-anak kepada binatang ternakan dan keuntungan perniagaan *haul*nya (masanya) menurut masa kiraan asalnya (ibunya atau modalnya), dicampurkan kedua-duanya dengan harta yang asal kemudian dikeluarkan zakat apabila telah cukup *nisab*nya.

Baligh atau akal yang waras tidak menjadi syarat wajib zakat. Oleh yang demikian, zakat diwajibkan ke atas harta kanak-kanak dan harta orang gila, menurut pendapat (*jumhur*) kebanyakan ulama'.

5) Jenis harta yang dikenakan Zakat.

Zakat diwajibkan ke atas lima jenis harta:

Pertama: Emas dan perak, juga **wang kertas** yang dikira sebagai ganti kepada emas dan perak.

Kadar zakat yang dikenakan ialah satu perempat daripada satu persepuluh harta, bersamaan (2.5%). Tidak diwajibkan zakat padanya hingga sampai *haul* (masanya) dan cukup *nisab* (kadar yang diwajibkan).

Kadar *nisab* emas ialah 20 *misqal*. Satu *misqal* bersamaan dengan (4.25) gram. Jumlah *nisab* emas ialah (85) gram.

Kadar *nisab* perak ialah 200 dirham, satu dirham bersamaan dengan (2.975) gram, jumlah *nisab* perak ialah (595) gram.

Wang kertas yang digunakan sekarang, kadar *nisab*nya ialah mengikut nilainya –ketika sampai *haul* dan pada waktu mengeluarkan zakat- nilai (85) gram emas atau nilai (595) gram perak.

Oleh sebab itu *nisab* wang kertas berbeza setiap masa mengikut nilai harga pasaran berbanding dengan nilai emas dan perak. Apabila seseorang memiliki wang yang kadarnya boleh membeli salah satu kadar emas atau perak atau lebih, maka wajib ke atasnya mengeluarkan zakat, tidak dikira perbezaan nama mata wang; Riyal, Dinar, Dolar, Ringgit atau selainnya. Tidak dikira juga sama ada mata wang itu kertas, logam atau selainnya.

Sebagaimana yang telah diketahui, nilai wang sentiasa berubah setiap masa. Seseorang yang ingin mengeluarkan zakat mesti melihat nilai harganya ketika tiba masa wajib membayar zakat iaitu sewaktu sampai *haul*.

Harta (emas, perak dan wang) yang melebihi *nisab* hendaklah dikeluarkan zakat mengikut kadar yang telah

ditentukan. Dalilnya, hadis yang diriwatkan oleh ‘Ali **t** katanya: Sabda Nabi **r**:

((إذا كانت لك مائتان درهم وحال عليها الحول ففيها خمسة دراهم، وليس عليك شيء حتى يكون لك عشرون ديناراً وحال عليها الحول ففيها نصف دينار، فما زاد فبحساب ذلك، وليس في مال زكاة حتى يحول عليه الحول)). رواه أبو داود وهو حديث حسن.

“*Apabila engkau telah memiliki 200 dirham dan telah sampai haulnya maka zakatnya 5 dirham. Engkau tidak dikenakan zakat -emas- hingga engkau memiliki 20 dinar dan telah sampai haulnya maka zakatnya ialah ½ dinar, kalau lebih nilai emas yang dimilikinya, maka zakatnya mengikut kadar pertambahan nilai emas tersebut. Harta simpanan tidak dikenakan zakat hingga sampai haulnya*”. (H.R. Abu Daud, darjatnya ‘Hasan’).

Barang kemas yang disediakan untuk simpanan dan untuk disewa maka wajib ke atasnya zakat dengan tidak ada *khilaf* di kalangan ulama’.

Manakala barang kemas yang digunakan, menurut pendapat yang *rajih* (kuat) di kalangan ulama’ dikenakan juga zakat. Ini berdasarkan nas-nas yang umum yang menyebut hukum wajib zakat emas dan perak, juga berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, an-Nasai dan at-Tirmizi daripada ‘Amru bin Syu‘aib daripada bapanya daripada datuknya -*semoga Allah meredhai mereka semua*-

((أن امرأة أتت النبي **r** ومعها ابنة لها، وفي يدي بنتها مسكتان غليظتان من ذهب. فقال لها: أتعطين زكاة هذا؟ قالت: لا. قال: "أيسرك أن يسورك الله بهما يوم القيامة سوارين من نار؟" فخلعتهما وألقتهما إلى النبي **r** ، وقالت: هما لله ولرسوله)).

“*Seorang perempuan datang bersama anak perempuannya bertemu Rasulullah **r** dan di tangan*

anaknya terdapat dua utas gelang emas. Rasulullah pun bertanya kepadanya: "Adakah kamu telah mengeluarkan zakat gelang ini?". Jawab perempuan itu: Tidak. Sabda Baginda: "Adakah kamu suka jika Allah pakaikan kepada kamu dua utas gelang daripada api neraka pada Hari Kiamat dengan sebab dua utas gelang ini!". Perempuan itu terus menanggalkannya serta memberikannya kepada Nabi **r** *seraya berkata: Keduanya untuk Allah dan Rasul-Nya*".

Juga berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan lainnya daripada 'Aishah -*radhiallahu 'anha*- katanya:

((دخل على رسول الله r فرأى في يدي فتخات من ورق. فقال: "ما هذا يا عائشة؟" فقلت: صنعتهن أتزين لك يا رسول الله. قال: "أتؤدين زكاتهم؟" قلت: لا، أو ما شاء الله. قال: "هو حسبك من النار")).

"*Rasulullah* **r** *masuk menemui saya. Tiba-tiba Rasulullah ternampak di tangan saya sebentuk cincin daripada perak. Rasulullah bertanya: "Apa ini wahai 'Aishah?". Saya menjawab: Saya jadikannya sebagai perhiasan diri apabila saya bertemu dengan kamu wahai Rasulullah. Rasulullah bertanya lagi: "Adakah awak tunaikan zakatnya?". Saya menjawab: Tidak, atau 'masya' Allah'. Sabdanya: "Ianya akan menjadi bahagian awak daripada neraka*".

Adapun galian dan barang-barang perhiasan selain daripada emas -seperti permata dan mutiara- tidak ada seorang pun ulama' yang berpendapat bahawa zakat diwajibkan ke atasnya, kecuali ianya untuk tujuan perniagaan, maka zakatnya ialah zakat perniagaan.

Kedua: Zakat haiwan ternakan.

Iaitu unta, lembu dan kambing. Wajib ke atasnya zakat jika haiwan itu *saimah* -iaitu ternakan yang kebanyakan waktunya dilepaskan di padang ragut lebih kerap daripada dikurung dalam tempoh setahun- kerana kebanyakan (masa) boleh diberi hukum keseluruhan, dalilnya: Sabda Nabi r:

((**في كل إبل سائمة صدقة**)) رواه أحمد وأبو داود والنسائي.

"*Setiap unta yang dilepaskan (saimah) dikenakan sadaqah (zakat)*". (H.R. Ahmad, Abu Daud dan an-Nasai).

Juga berdasarkan hadis:

((**في صدقة الغنم في سائمتها**)) رواه البخاري.

"*Sadaqah (zakat) kambing dikenakan kepada yang dilepaskannya (as-saimah)*". (H.R. Al-Bukhari).

Syaratnya haiwan tersebut telah cukup *nisab*nya dan sampai *haul*nya.

Nisab Haiwan ternakan seperti berikut:

Jenis	**Kadar Nisab**		**Kadar yang wajib dikeluarkan**
	Dari	Kepada	
Unta	5	9	Seekor kambing.
	10	14	Dua ekor kambing.
	15	19	Tiga ekor kambing.
	20	24	Empat ekor kambing.
	25	35	*Bintu Makhadh* (anak unta betina yang berumur setahun)
	36	45	*Bintu Labun* (anak unta betina yang berumur dua tahun).

Unta	46	60	*Hiqqah* (unta betina yang berumur tiga tahun).
	61	75	*Jaz'ah* (unta betina yang berumur empat tahun).
	76	90	Dua ekor *Bintu Labun*.
	91	120	Dua ekor *Hiqqah*.
	Melebihi 120 ekor		Setiap 40 ekor: dikeluarkan seekor *Bintu Labun* dan setiap 50 ekor: dikeluarkan seekor *Hiqqah*, menurut kebanyakan (*jumhur*) ulama'.
Lembu	30	39	*Tabi' / Tabi'ah* (Anak lembu yang berumur setahun).
	40	59	*Musinnah* (Lembu betina yang berumur 2 tahun).
	60	69	Dua ekor *Tabi'*.
	70	79	*Tabi'* dan *Musinnah*.
	Melebihi 79		Setiap 30 ekor seekor *Tabi'*, setiap 40 ekor dikeluarkan seekor *Musinnah*.
Kambing	40	120	Seekor kambing.
	121	200	Dua ekor.
	201	300	Tiga ekor.
	Melebihi 300		Setiap 100 ekor: dikeluarkan seekor kambing.

Dalilnya, hadis Anas t : Saidina Abu Bakar t telah menulis untuknya kitab ini ketika menghantarnya ke Bahrain (al-Ahsa' sekarang -Penterjemah):

((بسم الله الرحمن الرحيم. هذه فريضة الصدقة التي فرض رسول الله r على المسلمين، والتي أمر الله بها رسوله، فمن سُئِلها من المسلمين على وجهها فليعطها، ومن سئل فوقها فلا يعط.

"*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ini adalah fardhu zakat yang telah diwajibkan oleh Rasulullah r ke atas orang Islam menurut apa yang telah diperintahkan oleh Allah ke atas Rasul-Nya. Sesiapa yang meminta zakat daripada kaum muslimin sebagaimana yang sepatutnya hendaklah diberikan kepadanya. Sesiapa yang meminta lebih daripada itu janganlah diberikan kepadanya*".

في أربع وعشرون من الإبل فما دونها من الغنم من كل خمس شاة، فإذا بلغت ستا وثلاثين إلى خمس وأربعين ففيها بنت لبون أنثى، فإذا بلغت ستاً وأربعين إلى ستين ففيها حقة، طروقة الجمل، فإذا بلغت واحدة وستين إلى خمس وسبعين ففيها جذعة، فإذا بلغت -يعني ستاً وسبعين- إلى تسعين ففيها بنتا لبون، فإذا بلغت إحدى وتسعين إلى عشرين ومائة ففيها حقتان طروقتا الجمل، فإذا زادت على عشرين ومائة ففي كل أربعين بنت لبون وفي كل خمسين حقة، ومن لم يكن معه إلا أربع من الإبل فليس فيها صدقة إلا أن يشاء ربها، فإذا بلغت خمساً من الإبل ففيها شاة.

"*Untuk 24 ekor **unta** atau ke bawah, zakatnya ialah kambing, setiap lima ekor seekor kambing. Apabila sampai 36 hingga 45 ekor, zakatnya ialah* 'Bintu Labun', *apabila sampai 46 hingga 60 ekor, zakatnya* 'Hiqqah' *yang telah boleh didatangi bapa jantannya. Apabila sampai 61 hingga 75 ekor, zakatnya* 'Jaz'ah'. *Apabila sampai 76 hingga 90 ekor, zakatnya dua ekor* 'Bintu Labun'. *Apabila sampai 91 hingga 120 ekor, zakatnya dua ekor* 'Hiqqah' *yang telah boleh didatangi bapa jantannya. Apabila bilangannya lebih*

daripada 120 ekor, setiap 40 ekor zakatnya 'Bintu Labun' *dan setiap 50 ekor zakatnya* 'Hiqqah'. *Sesiapa yang memiliki 4 ekor unta maka tidak dikenakan zakat kecuali dengan kehendak tuannya sendiri. Apabila bilangannya sampai 5 ekor, wajiblah zakatnya seekor kambing*".

وفي صدقة الغنم في سائمتها إذا كانت أربعين إلى عشرين ومائة شاة، فإذا زادت على عشرين ومائة إلى مائتين شاتان، فإذا زادت على ثلاثمائة ففي كل مائة شاة، فإذا كانت سائمة الرجل ناقصة من أربعين شاةً شاة واحدة فليس فيها صدقة إلا أن يشاء ربها)) الحديث رواه البخاري.

"***Zakat kambing*** *yang dilepaskan di padang ragut (as-saimah), apabila sampai 40 hingga 120 ekor, zakatnya seekor kambing. Apabila bilangannya lebih daripada 120 ekor hingga sampai 200 ekor, zakatnya dua ekor kambing. Apabila bilangannya melebihi 300 ekor, setiap 100 ekor zakatnya seekor kambing. Kalau seseorang memiliki kambing yang kurang daripada 40 ekor (kurang) seekor kambing, tidak dikenakan zakat kecuali dengan kehendaknya sendiri*". (H.R. Al-Bukhari).

Menurut hadis Mu'az bin Jabal **t** :

((أن النبي r بعثه إلى اليمن فأمره أن يأخذ من كل ثلاثين بقرة تبيعاً أو تبيعة، وفي كل أربعين مسنة)) رواه أحمد وأصحاب السنن.

"*Nabi* ***r*** *mengutusnya ke Yaman serta memerintahkannya supaya mengambil* ***zakat lembu*** *setiap 30 ekor dikeluarkan zakatnya seekor* 'Tabi'' *atau* 'Tabi'ah' *dan setiap 40 ekor seekor* 'Musinnah'". (H.R. Ahmad dan ashab as-Sunan).

Anak yang baru lahir dicampurkan bersama-sama bilangan yang sedia ada kalau sudah cukup *nisab*nya. Sebaliknya kalau binatang yang asal belum cukup *nisab*

kecuali setelah dicampurkan dengan anak yang baru lahir itu maka *haul*nya dikira waktu cukup *nisab*nya itu.

Zakat bagi binatang peliharaan untuk tujuan perniagaan maka ia dikira sebagai zakat perniagaan. Jika digunakan untuk tujuan pekerjaan (pembajakan dan seumpamanya) atau untuk peliharaan (*al-qunyah*) maka tidak dikenakan zakat. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah **t** :

((**ليس على المسلم في عبده ولا فرسه صدقة**)) أخرجه البخاري ومسلم.

"*Tidak dikenakan zakat ke atas seorang muslim yang memiliki hamba sahaya dan kuda*". (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Ketiga: Zakat Tanaman dan Buah-buahan.

Tanaman dan buah-buahan wajib dikenakan zakat apabila cukup *nisab*nya. Pendapat ini menurut Jumhur Ulama'. *Nisab*nya ialah lima *wasaq*. Berdasarkan hadis Nabi **r** :

((**ليس فيما دون خمسة أوسق صدقة**)) متفق عليه.

"*Tanaman yang kurang daripada lima wasaq tidak diwajibkan zakat*". (Muttafaq 'alaih).

Satu *wasaq* ialah 60 gantang.

Kadar *nisab*nya ialah 300 gantang.

Menurut timbangan sekarang, *nisab* gandum yang baik jenisnya ialah lebih kurang (652,800) kilogram.

Zakat tanaman dan tumbuhan tidak disyaratkan *haul*, berdasarkan firman Allah Ta'ala:

.(141 :الأنعام) á ÇÍÈ ¾ÍnŠ$ Ám Qöf ¼çm)m (q#ärâ

"*Dan tunaikanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik hasilnya*". (Al-An'am: 141).

Kadar yang diwajibkan ialah; satu persepuluh (1/10) bagi tanaman yang tumbuh di tempat yang ada air dan tidak memerlukan tenaga untuk menyiramnya. Satu perdua puluh (1/20) bagi tanaman yang disiram dengan menggunakan alat dan tenaga, berdasarkan hadis Rasulullah r :

((**فيما سقت السماء والأنهار والعيون، أو كان عثرياً العُشر، وفيما سُقي بالسواني أو النضح نصف العُشر**)) أخرجه البخاري.

"*Tanaman yang disiram dengan air hujan atau mata air atau tumbuh di tanah tadahan hujan, zakatnya 1/10 dan tanaman yang disirami dengan alat penyiram, zakatnya 1/20*". (H.R. Al-Bukhari).

Keempat: Zakat Perniagaan.

Zakat perniagaan ialah zakat yang dikenakan ke atas setiap benda yang diperniagakan. Zakat ini merupakan harta yang paling umum dan merangkumi semua jenis harta perniagaan. Zakat diwajibkan ke atasnya apabila cukup *nisab*nya, pengiraannya ialah apabila sampai harganya kepada *nisab* emas dan perak, iaitu 20 dinar yang menyamai (85g) emas atau 200 dirham yang menyamai (595g) perak. Harta perniagaan dinilai apabila telah sampai *haul* mengikut kadar yang paling baik bagi golongan miskin, sama ada mengikut kadar emas atau perak. Nilai zakat pada harta perniagaan tersebut tidak dikira nilainya sewaktu barang itu dibeli, tetapi hendaklah dikira harganya ketika hendak mengeluarkan zakat setelah sampai *haul*nya.

Kadar yang diwajibkan zakat bagi harta perniagaan ialah 2.5 % daripada keseluruhan nilainya. Keuntungan daripada perniagaan mesti dicampurkan bersama modal asal apabila telah cukup *nisab*nya, tidak perlu menanti *haul* yang baru. Kalau *nisab*nya hanya akan cukup setelah dicampurkan

dengan keuntungan, maka *haul*nya bermula pada hari cukup *nisab*nya.

Kelima: Zakat Galian (*al-Ma‘adin*) dan Harta Karun (*Rikaz*).

1) Zakat Galian (*al-Ma‘adin*).

Galian ialah setiap benda yang dikeluarkan daripada perut bumi, bukan daripada jenis bumi, mempunyai nilai harga dan bukan pula daripada jenis tumbuh-tumbuhan.

Emas, perak, besi, tembaga, timah, minyak dan lainnya. Wajib dikeluarkan zakat berdasarkan umum firman Allah Ta‘ala:

N39 $Yô •z & $Br Öçö¡ Ÿ2 $B M»6Û `B (qà)ÿR& (bä#ä ûï%$$gƒ'»ƒ â

.(267 :البقرة) á ÇÈ Çü ö{$`B

“*Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian daripada hasil usahamu yang baik dan sebahagian daripada apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu*”. (Al-Baqarah: 267).

Tidak syak lagi bahawa barang galian termasuk di dalam jenis benda yang Allah keluarkan daripada perut bumi.

Jumhur Ulama’ berpendapat galian dikenakan zakat apabila cukup *nisab*. Kadar yang wajib dikeluarkan ialah 1/10 diqiaskan kepada kadar yang wajib bagi emas dan perak. Tidak disyaratkan cukup *haul* dan wajib dikeluarkan zakat ketika memilikinya.

B- Harta Karun (*Rikaz*).

Rikaz ialah benda yang didapati di dalam bumi daripada peninggalan jahiliyyah atau harta yang ditanam oleh orang-orang kafir pada zaman dahulu walaupun mereka bukan dari kalangan jahiliyyah, di dalam negara Islam atau negara kafir

(*Dar Harb*) atau dalam negara yang membuat perjanjian damai dengan orang Islam (*Dar 'Ahdi*).

Harta ini mempunyai alamat atau tanda ianya milik orang kafir di atasnya atau sebahagian daripadanya, seperti ada catatan nama mereka atau nama raja mereka, ada gambar mereka, gambar salib atau gambar berhala.

Sebaliknya jika barang yang dijumpai itu atau sebahagian daripadanya mempunyai tanda-tanda ianya kepunyaan orang Islam, seperti nama Nabi **r**, nama khalifah Islam atau tertulis ayat-ayat al-Quran maka harta ini dinamakan '*luqathah*' (harta orang yang tercicir). Demikian juga jika tidak didapati sebarang tanda seperti bekas (pinggan, mangkuk), barang perhiasan atau emas keping maka barang ini dikira '*luqathah*'. Ia tidak boleh dimiliki kecuali selepas dibuat pengumuman, kerana barang ini kepunyaan orang Islam dan tidak diketahui adakah hak miliknya telah terlepas daripadanya.

Rikaz diwajibkan zakat ke atasnya. Kadarnya ialah 1/5 berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah **t**, Sabda Nabi **r**:

((وفي الركاز الخمس)).

"*Rikaz zakatnya ialah seperlima (1/5)*".

Menurut jumhur ulama' zakat wajib dikeluarkan daripada *rikaz* yang sedikit atau pun yang banyak jumlahnya. Jumhur ulama' juga berpendapat *masraf* (pembahagian)nya ialah menurut *masraf al-fai'* (harta rampasan yang ditinggalkan oleh orang kafir tanpa peperangan) dan yang lebihnya 4/5 menjadi milik orang yang menjumpainya. Ini menurut semua ulama' berdasarkan perbuatan Saidina Umar **t** yang telah menyerahkan harta *rikaz* kepada orang menjumpainya (setelah diambil 1/5 daripadanya).

6) Pembahagian *(masarif)* Zakat.

Golongan (*asnaf*) yang berhak menerima zakat ialah lapan golongan, mereka ialah:

Pertama: (***Al-Fuqara'***) Golongan fakir. Iaitu orang yang tidak memiliki harta untuk menyara hidup mereka atau mempunyai sebahagian daripada keperluan hidup mereka. Golongan ini boleh diberikan kepada mereka zakat yang boleh menampung keperluan hidup mereka selama setahun.

Kedua: (***Al-Masakin***) Golongan miskin. Iaitu orang yang memiliki sebahagian daripada keperluan hidupnya atau kebanyakan keperluannya. Golongan ini lebih baik keadaannya daripada golongan fakir, maka diberikan kepada mereka harta zakat yang mencukupkan keperluan hidup mereka sepanjang tahun.

Ketiga: (***Al-'Amilin***) Pegawai pemungut zakat.

Al-'Amilin ialah pegawai yang memungut zakat daripada golongan yang berhak menjaganya serta membahagikannya kepada golongan yang berhak menerimanya menurut arahan yang dikeluarkan oleh Imam (pemerintah). Mereka berhak menerimanya mengikut kerja yang dilakukan.

Keempat: (***Al-Muallafah Qulubuhum***) (Golongan yang dijinakkan hati mereka).

Mereka terdiri daripada dua golongan: orang kafir dan orang Islam.

a) Orang kafir diberikan zakat kepada mereka apabila diharapkan mereka akan memeluk Islam atau dengan pemberian ini mereka tidak lagi menyakiti orang Islam dan seumpamanya.

b) Orang Islam diberikan zakat kepada mereka untuk menguatkan pegangan mereka kepada Islam atau mengharapkan orang-orang yang sepertinya akan memeluk Islam dan seumpamanya.

Kelima: (***Ar-Riqab***) Golongan hamba sahaya *mukatab* iaitu hamba yang ingin menebus diri mereka daripada ikatan perhambaan daripada tuan mereka tetapi mereka tidak mempunyai harta untuk membayarnya, maka diberikan zakat kepada mereka supaya dapat membebaskan diri daripada ikatan perhambaan.

Keenam: (***Al-Gharimin***) Golongan yang berhutang. Golongan ini ada dua jenis; orang yang berhutang untuk keperluan dirinya dan orang yang berhutang untuk membantu orang lain.

a) Orang yang berhutang untuk keperluan dirinya, iaitu orang yang berhutang untuk keperluan dirinya tetapi tidak mampu untuk membayarnya, maka diberikan kepadanya zakat hingga dia dapat menjelaskan hutangnya.

b) Orang yang berhutang untuk membantu orang lain, iaitu orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah orang lain, maka diberikan kepadanya zakat hingga dia dapat menjelaskan hutangnya walaupun dia seorang yang kaya.

Ketujuh: (***Fi Sabilillah***) Pada Jalan Allah. Apabila disebut secara umum maksudnya ialah: *Jihad*. Maka diberikan zakat kepada para mujahidin yang berjuang secara sukarela, tidak ada gaji tetap yang diambil daripada Baitulmal.

Kelapan: (***Ibnu Assabil***). Musafir yang terputus bekalan di dalam perjalanan. Tidak ada belanja untuk sampai ke negerinya, maka dia diberikan zakat sekadar belanja yang membolehkan dia sampai ke negerinya.

Allah telah menyebut golongan yang berhak menerima zakat ini dengan firman-Nya:

ûäqè pÿ9s3 $kŽæ û,Ü»è9$ Èû Å¡ J9$ ä•)yè9 M»%¢Á 9$ $JR) * â

ª! $ « $šÆ B pZÒ ƒ•ù @‹6¡ 9$ Èó$ « $@‹6™ † Îr ûüB•»ó9$ É $%•h9$ † Îr

.(60 :التوبة) á ÇÌÈ Ò‹Å6 m ÓŠæ

“*Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang terputus bekalan dalam perjalanan), sebagai satu ketetapan dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana*”. (At-Taubah: 60).

7) Zakat Fitrah.

a) Hikmat disyari‘atkan Zakat Fitrah.

Zakat fitrah disyari‘atkan untuk menyucikan orang-orang yang berpuasa daripada perkara sia-sia dan tidak baik yang dilakukan semasa berpuasa. Selain itu ia dapat memberi makanan kepada orang miskin dan melepaskan mereka daripada meminta-minta (makanan) pada hari raya, sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbas **t** , katanya:

((فرض رسول الله r زكاة الفطر، طهرة للصائم من اللغو والرفث، وطعمة للمساكين)) رواه أبو داود وابن ماجه.

“*Rasulullah* ***r*** *mewajibkan zakat fitrah untuk membersihkan orang-orang yang berpuasa daripada perkara sia-sia dan tidak baik (yang dilakukan semasa berpuasa) juga untuk memberi makanan kepada orang miskin*”. (H.R. Abu Daud dan Ibnu Majah).

b) Hukum Zakat Fitrah.

Zakat Fitrah adalah fardhu yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam, lelaki dan perempuan, tua dan muda, orang merdeka serta hamba sahaya, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar t Sabda Nabi r:

((فرض رسول الله r زكاة الفطر من رمضان، صاعاً من تمر، أو صاعاً من شعير، على العبد والحرّ، والذكر والأنثى، والصغير والكبير، من المسلمين، وأمر بها أن تؤدى قبل خروج الناس إلى الصلاة)) متفق عليه.

"*Rasulullah r telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadhan, segantang tamar atau segantang gandum ke atas golongan hamba dan orang merdeka, lelaki dan perempuan, kecil dan besar dari kalangan orang Islam. Baginda mengarahkan agar menjelaskannya sebelum orang Islam keluar menunaikan solat sunat hari raya*". (Muttafaq 'alaih).

Disunatkan membayar zakat fitrah bagi janin yang masih berada dalam kandungan.

Setiap orang wajib membayar fitrah bagi dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggungannya; isteri atau ahli keluarganya yang hampir. Tidak diwajibkan membayarnya kecuali ke atas mereka yang mempunyai makanan (harta) yang lebih daripada keperluannya serta orang yang dibawah tanggungannya pada hari raya dan malamnya.

c) Kadar yang wajib dibayar.

Kadar yang wajib dibayar ialah segantang makanan yang biasa dimakan di negerinya; sama ada gandum, tamar, *zabib* (kismis), *'aqit* (susu beku), beras atau jagung.

Segantang sama dengan -lebih kurang- (2.176) gram.

Tidak harus membayar zakat fitrah dengan harganya menurut pendapat jumhur Ulama', kerana perbuatan tersebut bercanggah dengan suruhan Rasulullah r dan juga bercanggah dengan amalan para sahabat Nabi t .

d) Waktu mengeluarkan Fitrah.

Terdapat dua waktu untuk menjelaskannya:

1- Waktu diharuskan membayarnya, ialah sehari atau dua hari sebelum menjelang hari raya.

2- Waktu afdhal, ialah bermula dari terbit fajar hari raya hingga sebelum menunaikan solat sunat 'Eidil Fitri, kerana Nabi r memerintahkan agar menjelaskannya sebelum orang Islam keluar solat. Tidak boleh melewatkannya hingga selesai solat. Jika dilewatkan ianya dikira sebagai satu sedekah biasa dan orang itu berdosa kerana melewatkannya.

e) Pembahagian Zakat Fitrah.

Zakat fitrah dibahagikan kepada golongan fakir dan miskin, kerana mereka merupakan orang yang sangat berhajat kepadanya lebih daripada orang lain.

* * *

RUKUN KEEMPAT:
PUASA BULAN RAMADHAN.□

[صيام شهر رمضان]

1) Ta'rif Puasa (*As-Siyam*).

Menurut **bahasa Arab**: *Menahan daripada melakukan semua perkara.*

Menurut **Istilah Syara'**: *Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa, bermula dari terbit fajar (subuh) hingga terbenam matahari.*

2) Hukum Puasa.

Berpuasa di bulan Ramadhan adalah salah satu daripada Rukun Islam dan merupakan salah satu daripada binaannya yang besar. Dalilnya, firman Allah Ta'ala:

`ÿB šú ïÏ%©!$ ’?ã |=ÏGä $J. ãP$u‹Å_Á9$# ãNà6 øŠn=tæ |=ÏGä (#qãZtB#uä úïÏ%©!$#$pkš‰r'¯»tƒ â

á Ç÷̍)Gs? öNä3ª=yès9 öNà6 Î=ö7s% (البقرة: 183).

"*Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa*". (Al-Baqarah: 183).

Juga berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar **y** katanya: Nabi **r** bersabda:

((بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله، وأن محمداً رسول الله، وإقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، وصوم رمضان، وحج بيت الله)) متفق عليه.

"*Islam itu dibina di atas lima rukun: Mengucap syahadah 'Laa ilaaha illallah, Muhammadar Rasulullah', mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan*

Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah”. (Muttafaq ‘alaih: Al-Bukhari dan Muslim).

Puasa Ramadhan difardhukan ke atas umat Islam pada tahun kedua Hijrah.

3) Kelebihan (fadhilat) serta hikmat disyari‘atkan puasa.

Bulan Ramadhan merupakan suatu musim yang sangat berharga untuk melakukan ketaatan kepada Allah. Sekiranya diberi kesempatan (hidup) di dalamnya maka ia merupakan suatu nikmat yang besar serta limpahan kurniaan daripada Allah Yang Maha Mulia. Allah menganugerahkannya kepada hamba-Nya yang dikehendaki untuk memperbanyakkan amal kebajikan, menaikkan darjat, menghapuskan kesalahan dan mengukuhkan hubungan dengan penciptanya *Jalla wa ‘Ala* (Yang Maha Tinggi). Semoga dituliskan baginya pahala yang besar, ganjaran yang banyak dan dapat mencapai keredhaan Allah serta hatinya dipenuhi dengan rasa takut kepada Allah.

Antara fadhilat Puasa ialah:

a- Firman Allah Ta‘ala:

3ã ‰ô`B ÏM»Yiy r Ä $Y=Ï ” ‰èd ã#äöà)ø9$# ÏmŠÏù AÌRé& üÏ%©!$# b$ÒB‘ ãöÏ- â

9y™ 4?ã ÷r& $³ÒƒD b$Ÿ2 `Br çmôJÁuŠù öök¤9$# ãNä3YB ‰Ík- `Jù Èb$%öàÿø9$#r

(qãŽÉi6 ç9r ŽoÏèø9$# ãNà6 Î/ ‰ƒÌãƒ wr •ó¡ãø9$# ãNà6 Î/ ª!$# ‰ƒÌãƒ •zé& BQ$ƒr& ôÏiB o‰Ïèù

(البقرة: áÇÊÑÎÈ šc rãà6ô±n@ öNà6 =è9r öNä31‰d $B 4†?ã ©!$# (#q=ÏJò6 çGÏ9r ‰èÏ9$#

.(185

"*Bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari kalangan kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan maka hendaklah ia berpuasa di bulan itu dan sesiapa yang sakit atau dalam perjalanan musafir (lalu ia berbuka) maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur*". (Al-Baqarah: 185).

b- Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah t Sabda Nabi r:

((**من صام رمضان إيماناً واحتساباً، غفر له ما تقدم من ذنبه**)) متفق عليه.

"*Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala nescaya diampunkan baginya kesalahannya yang telah lalu*". (Muttafaq 'alaih).

c- Daripada Abu Hurairah y Sabda Nabi r:

((**... يضاعف الحسنة عشر أمثالها إلى سبعمائة ضعف، قال الله عزّ وجلّ: إلا الصوم، فإنه لي وأنا أجزي به، يدع شهوته وطعامه من أجلي، للصائم فرحتان، فرحة عند فطره، وفرحة عند لقاء ربه، ولخلوف فيه أطيب عند الله من ريح المسك**)) رواه البخاري ومسلم واللفظ له.

"*...Pahala amal kebajikan digandakan sepuluh kali ganda hingga (sampai) kepada tujuh ratus kali ganda. Firman Allah 'Azza wa Jalla (dalam Hadis Qudsi): 'kecuali*

puasa; kerana puasa itu untuk-Ku dan Aku akan membalasnya, lantaran seseorang itu meninggalkan syahwatnya dan makannya kerana-Ku'. Bagi orang berpuasa ada dua kegembiraan; kegembiraan ketika berbuka puasa dan kegembiraan ketika bertemu dengan Tuhannya. Bau busuk mulut orang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi". (H.R. Al-Bukhari dan Muslim, lafaz hadis daripada Muslim).

d- Doa orang berpuasa *mustajab* (diperkenankan), sabda Nabi **r**:

((**للصائم عند فطره دعوة لا ترد**)) رواه ابن ماجه.

"*Doa orang yang berpuasa ketika berbuka puasa tidak akan ditolak*". (H.R. Ibnu Majah).

Oleh yang demikian, setiap muslim hendaklah mengambil kesempatan ketika berbuka puasa memohon kepada Tuhannya dengan berdoa. Semoga waktu itu berbetulan dengan *nafhah* (limpahan) rahmat Tuhan *Jalla wa 'Ala* maka dia akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

e- Allah **I** telah menyediakan pintu syurga yang khusus untuk orang yang berpuasa. Pintu tersebut tidak boleh dimasuki kecuali orang yang berpuasa, sebagai suatu penghargaan untuk mereka, juga untuk membezakan orang yang berpuasa dengan golongan yang lain.

Daripada Sahl bin Sa'ad **t** katanya: Sabda Nabi **r**:

((**إن في الجنة باباً يقال له "الريان"، فإذا كان يوم القيامة قيل: أين الصائمون، فإذا دخلوا أغلق عليهم فلم يدخل منه أحد**)) متفق عليه.

"*Dalam syurga ada sebuah pintu yang bernama 'ar-Rayyan'. Pada Hari Kiamat akan diseru: 'Di manakah orang yang berpuasa!', setelah mereka memasukinya pintu*

itu pun ditutup, tidak ada lagi orang yang dapat masuk melaluinya". (Muttafaq 'Alaih).

f- Sesungguhnya puasa akan memberi syafaat kepada orang yang melaksanakannya pada Hari Kiamat. Daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'Ass **y** katanya: Sabda Nabi **r**:

((الصيام والقرآن يشفعان للعبد يوم القيامة، يقول الصيام: أي رب منعته من الطعام والشهوة فشفعني فيه. ويقول القرآن: منعته النوم بالليل فشفعني فيه، قال: فيشفعان)) رواه أحمد.

"*Puasa dan al-Quran memberi syafaat kepada seseorang hamba pada Hari Kiamat. Kata puasa: Wahai Tuhan: Aku telah menahannya daripada makan dan syahwat maka jadikanlah aku sebagai syafaat (penolong)nya. Kata al-Quran: Aku telah menahannya daripada tidur di waktu malam maka jadikanlah aku sebagai syafaat (penolong)nya. Sabda Nabi **r**: "Maka kedua-duanya memberi syafaat*". (H.R. Ahmad).

g- Puasa melatih seseorang muslim itu menjadi sabar, berusaha menanggung kesusahan dan kepayahan dengan meninggalkan kesukaannya dan syahwatnya, serta mengekang keinginan nafsunya. Semuanya itu merupakan suatu kesusahan yang besar.

4) Syarat-syarat wajib Puasa.

Para ulama' telah berijma' (bersepakat) bahawa puasa diwajibkan ke atas setiap orang muslim yang baligh, berakal, sihat dan bermukim (tidak musafir). Demikian juga ia diwajibkan ke atas setiap wanita apabila suci daripada haid dan nifas.

5) Adab-adab Puasa.

a- Menjauhi daripada mengumpat, mengadu (menghasut) dan lainnya daripada perbuatan yang diharamkan oleh Allah. Setiap muslim mesti menjaga lidahnya daripada menyebut perkataan yang haram serta memeliharanya daripada bercakap mengenai hal orang lain. Sabda Nabi **r**:

((من لم يدع قول الزور، والعمل به، فليس لله حاجة في أن يدع طعامه وشرابه)) رواه البخاري.

“*Sesiapa yang tidak meninggalkan percakapan dusta bahkan terus melakukannya maka Allah tidak berhajat kepadanya untuk dia meninggalkan makanannya dan minumannya*”. (H.R. Al-Bukhari).

b- Jangan meninggalkan makan sahur, kerana sahur boleh membantu orang yang berpuasa untuk menyempurnakan ibadat puasanya, agar dia dapat melalui siang harinya dalam keadaan rehat dan dapat menjalankan kerja-kerjanya dengan baik. Rasulullah **r** telah menggalakkan umatnya bersahur dengan sabdanya:

((السحور أكلة بركة، فلا تدعوه، ولو أن يخرج أحدكم جرعة من ماء؛ فإن الله عزّ وجلّ وملائكته يصلون على المتسحرين)) رواه أحمد.

“*Sahur adalah makanan yang diberkati. Jangan kamu tinggalkannya walaupun dengan meminum seteguk air, kerana Allah **I** dan para malaikat-Nya mendoakan (memberi rahmat) kepada orang yang bersahur*”. (H.R.Ahmad).

c- Segera berbuka puasa apabila telah pasti terbenam matahari (maghrib). Sabda Nabi **r**:

((لا يزال الناس بخير ما عجلوا الفطر)) متفق عليه.

“*Manusia sentiasa berada dalam keadaan baik sekiranya mereka segera berbuka puasa*”. (Muttafaq ‘alaih).

d- Seboleh-bolehnya berbuka dengan *ruthab* (tamar separuh masak) atau tamar kering, kerana berbuka dengannya adalah sunnah. Kata Anas **t** :

(**كان رسول الله r يفطر قبل أن يصلي على رطبات، فإن لم تكن رطبات فتمرات، فإن لم تكن حسا حسوات من ماء**) رواه أبو داود.

“*Rasulullah **r** berbuka puasa sebelum menunaikan solat dengan ruthab, jika tiada ruthab Baginda berbuka dengan tamar, jika tiada tamar dengan beberapa teguk air*”. (H.R. Abu Daud).

e- Memperbanyakkan membaca al-Quran, berzikir, memuji dan memuja Allah, bersedekah, membuat kebajikan, melakukan amalan sunat dan lainnya daripada amalan yang soleh.

Kata Abdullah bin ‘Abbas **y**:

(**كان رسول الله r أجود النّاس بالخير، وكان أجود ما يكون في رمضان حين يلقاه جبريل، وكان جبريل يلقاه في كل ليلة من رمضان، فيدارسه القرآن، فلرسول الله r حين يلقاه جبريل أجود بالخير من الريح المرسلة**) رواه البخاري ومسلم.

“*Rasulullah **r** adalah seorang yang sangat pemurah dan suka melakukan kebaikan. Kemurahannya semakin bertambah di bulan Ramadhan ketika bertemu dengan Jibrail. Jibrail datang bertemu dengannya setiap malam di bulan Ramadhan untuk mengulang al-Quran. Keadaan Rasulullah **r** ketika bertemu Jibrail adalah sangat pemurah dalam melakukan kebajikan, lebih cepat daripada angin yang bertiup kencang*”. (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

6) Perkara-perkara yang membatalkan puasa.

a- Makan dan minum dengan sengaja pada siang hari. Demikian juga dengan melakukan perkara-perkara lain yang membatalkan puasa seperti; memasukkan air ubat yang mengenyangkan atau menelan ubat melalui mulut, kerana hukumnya seperti hukum memakan makanan dan minuman. Adapun perbuatan mengeluarkan darah yang sedikit, seperti mengambil darah untuk dikaji maka ia tidak menjejaskan puasa.

b- Melakukan jima’ (persetubuhan) pada siang hari dalam bulan Ramadhan. Jima’ membatalkan puasa. Sesiapa yang melakukannya wajib bertaubat kepada Allah kerana telah mencabuli kehormatan bulan Ramadhan. Wajib ke atasnya mengqadha puasa hari yang dilakukan jima’ padanya dan membayar kifarat; iaitu dengan memerdekakan seorang hamba. Jika tidak ada hamba wajib ke atasnya berpuasa dua bulan berturut-turut. Jika tidak mampu, wajib ke atasnya memberi makan enam puluh orang miskin. Setiap orang diberikan setengah gantang gandum atau sebagainya daripada makanan (asasi) yang dimakan di negeri itu. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah **y**:

(بينما نحن جلوس عند النبي r إذ جاء رجل، فقال: يا رسول الله هلكت. قال: "ما لك؟" قال: وقعت على امرأتي وأنا صائم. فقال رسول الله r : "هل تجد رقبة تعتقها؟" قال: لا. قال: "فهل تستطيع أن تصوم شهرين متتابعين؟" قال: لا. قال: "فهل تجد إطعام ستين مسكيناً؟" قال: لا. قال: فمكث النبي r ، فبينما نحن على ذلك أُتيَ النبي r بعَرَق فيه تمر -والعَرَق: المِكْتَل-، قال: "أين السائل؟" فقال: أنا. قال: "خذ هذا فتصدق به". فقال الرجل: على أفقر مني يا رسول الله؟ فو الله ما بين لابتيها -يريد الحرتين- أهل بيت أفقر من أهل بيتي. فضحك النبي r حتى بدت أنيابه، ثم قال: "أطعمه أهلك)) رواه البخاري ومسلم.

"*Sedang kami duduk bersama Rasulullah* r *tiba-tiba datang seorang lelaki memberitahu kepada Rasulullah: Wahai Rasulullah: Binasalah saya! Sabda Nabi: "Kenapa dengan kamu ini?". Jawabnya: Saya telah melakukan jima' dengan isteri saya sedangkan saya berpuasa. Sabda Nabi: "Apakah kamu memiliki seorang hamba?". Jawabnya: Tidak. Sabda Nabi lagi: "Apakah kamu mampu melakukan puasa dua bulan berturut-turut?". Jawabnya: Tidak. Sabda Nabi lagi: "Apakah kamu mempunyai makanan untuk enam puluh orang miskin?". Jawabnya: Tidak. Rasulullah diam seketika, tiba-tiba datang seorang membawa tamar satu* 'araq *(sebuah bakul yang dibuat daripada daun kurma, anggaran muatannya sebanyak lima belas gantang) Nabi* r *pun bertanya: "Di mana orang yang bertanya tadi?". Jawab lelaki itu: Saya. Sabda Nabi* r*: "Ambillah tamar ini dan sedekahkannya". Jawab lelaki itu: Apakah kepada orang yang lebih fakir daripada saya wahai Rasulullah?. Demi Allah, tidak ada penduduk di antara dua tanah hitam (Madinah) ini lebih fakir daripada keluarga kami. Rasulullah* r *tersenyum hingga nampak gigi taringnya, kemudian Nabi* r *bersabda: "Berilah makan kepada keluargamu*". (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

c- Keluar mani dengan sebab bercumbu, bersentuhan atau mengeluarkan dengan tangan atau mengulang-ulang pandangan kepada perkara yang memberahikan. Apabila seorang yang sedang berpuasa mengeluarkan mani dengan sebab-sebab yang tersebut terbatallah puasanya dan wajib ke atasnya menggantikannya (qadha). Dia mesti meneruskan puasanya pada hari tersebut dan tidak dikenakan kifarat, wajib bertaubat, menyesali perbuatan tersebut dan beristighfar serta menjauhkan perkara-perkara yang boleh membangkitkan syahwatnya.

Kalau seseorang yang sedang berpuasa tidur kemudian bermimpi hingga keluar mani maka perkara tersebut tidak menjejaskan puasanya. Dia tidak dikenakan fidyah tetapi wajib ke atasnya mandi hadas.

d- Muntah dengan sengaja, iaitu dengan mengeluarkan makanan daripada perut melalui mulut. Tetapi jika termuntah dengan sendiri dan bukan dengan sengaja atau kehendak sendiri maka tidak menjejaskan puasanya, sabda Nabi **r**:

((**من ذرعه القيء فليس عليه قضاء، ومن استقاء عمداً فليقض**)) رواه أبو داود والترمذي.

“*Sesiapa yang termuntah tidak dikenakan qadha, dan sesiapa yang muntah dengan sengaja wajib ke atasnya qadha*”. (H. R. Abu Daud dan at-Tirmizi).

e- Keluar darah haid atau nifas, sama ada keluar pada awal pagi atau petang ataupun sebelum terbenam matahari, maka puasanya terbatal

Bagi orang yang berpuasa lebih baik tidak berbekam, agar puasanya terjaga daripada perkara yang membatalkannya, tidak menderma darah kecuali dalam keadaan terdesak untuk membantu orang sakit yang memerlukannya dan seumpamanya.

Adapun keluar darah dari hidung, atau melalui kahak, atau luka atau mencabut gigi dan seumpamanya tidak menjejaskan puasa.

7) Beberapa hukum umum mengenai puasa.

a- Wajib berpuasa dalam bulan Ramadhan dengan melihat anak bulan, kerana firman Allah Ta‘ala:

.(البقرة: 185) á çÔJ ÝÁ Šùü •öÍ¶ 9$Ñãã ÏB ‰Ïí - `Jù â

"*Sesiapa di antara kamu yang melihat anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya) maka hendaklah ia berpuasa*". (Al-Baqarah: 185).

b- Memadai sabit melihat anak bulan dengan pengakuan seorang muslim yang adil (tidak melakukan dosa besar), berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar **y** katanya:

((تراءى النّاس الهلال، فأخبرت رسول الله **r** أني رأيته، فصام وأمر النّاس بصيامه))

رواه أبو داود والدارمي وغيرهما.

"*Orang ramai melihat anak bulan, maka saya pun menyampaikan berita kepada Rasulullah **r** bahawa saya telah melihatnya. Baginda pun berpuasa dan mengarahkan agar semua berpuasa*". (H.R. Abu Daud dan ad-Darimi).

c- Keputusan menentukan permulaan puasa bagi setiap negara ialah di bawah kuasa pemerintah negara tersebut. Apabila ketua negara menentukan puasa atau tidak maka rakyat wajib mentaatinya. Jika berada dalam negara yang diperintah oleh bukan orang Islam, maka orang Islam mestilah mengikut keputusan yang dibuat oleh Pusat Islam atau seumpamanya demi untuk menjaga kesatuan umat Islam.

d- Boleh menggunakan teropong untuk melihat anak bulan dan tidak boleh berpegang dengan kiraan hisab falak dan memandang bintang untuk menentukan permulaan puasa atau hari raya. Wajib berpegang kepada melihat anak bulan, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah Ta'ala:

.(البقرة: 185) á çôJ Ÿ Šù •öT 9$Ña3Y B ‰Í - `Jù â

"*Sesiapa di antara kamu yang melihat anak bulan Ramadhan maka hendaklah ia berpuasa*". (Al-Baqarah: 185).

e- Sesiapa yang berada dalam bulan Ramadhan dari kalangan orang mukallaf maka wajiblah ke atasnya berpuasa, sama ada waktu siang panjang atau pendek.

f- Perkiraan bagi permulaan puasa Ramadhan bagi setiap negara ialah dengan melihat anak bulan daripada tempat naiknya (*matla'*) mengikut pendapat ulama' yang *rajih* (kuat), kerana para ulama' telah sepakat mengatakan tempat naik (*matla'*) anak bulan berbeza bagi setiap negeri. Hal yang tersebut termasuk dalam perkara yang diketahui umum, berdasarkan sabda Nabi **r**:

((**صوموا لرؤيته، وافطروا لرؤيته، فإن غُمَّ عليكم فأكملوا شعبان ثلاثين يوماً**))

أخرجه البخاري ومسلم.

"*Berpuasalah dengan sebab melihat anak bulan dan berbukalah dengan melihatnya. Sekiranya cuaca mendung (kamu tidak dapat melihatnya) maka sempurnakan bilangan Sya'ban tiga puluh hari*". (H. R. Al-Bukhari dan Muslim).

g- Wajib ke atas orang yang berpuasa, berniat puasa pada waktu malam, berdasarkan sabda Nabi **r**:

((**إنما الأعمال بالنيّات، وإنما لكل امرئ ما نوى**)) متفق عليه.

"*Setiap amalan mesti dengan niat. Sesungguhnya bagi setiap orang itu mengikut apa yang diniatkan*". (Muttafaq 'alaih).

Sabda Nabi **r**:

((**من لم يجمع الصيام قبل الفجر فلا صيام له**)) أخرجه أحمد وأبو داود والترمذي والنسائي من حديث حفصة رضي الله عنها.

"*Sesiapa yang tidak berniat puasa sebelum fajar maka tidak sah puasanya*". (H.R. Ahmad, Abu Daud, at-Tirmizi dan an-Nasai daripada hadis Hafsah *radiallahu 'anha*).

h- Tidak halal bagi seorang muslim meninggalkan puasa atau berbuka sepanjang siang hari bulan Ramadhan kecuali

ada keuzuran seperti sakit, musafir atau perempuan haid, nifas, hamil atau menyusukan anak, firman Allah Ta'ala:

.(184 :البقرة) á •z éB$ƒ ôB ×o ù ÿ ™ 4?ã ¤ $Ò ƒ Í N 3 Z B š c ‰. ` J ù â

"*Maka sesiapa di antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah ia berbuka) kemudian wajib ia berpuasa sebanyak (bilangan hari yang ditinggalkan) itu pada hari-hari lain*". (Al-Baqarah: 184).

i- Orang sakit yang tidak mampu berpuasa atau sukar untuk menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa atau boleh membawa kemudaratan jika berpuasa, diharuskan baginya untuk tidak berpuasa pada bulan Ramadhan, tetapi hendaklah menggantikannya (qadha) pada masa yang lain mengikut bilangan hari yang ditinggalkannya.

j- Wanita yang sedang hamil atau menyusu anak. Seandainya takut kemudharatan berlaku ke atas dirinya sahaja, dibolehkan ke atas mereka ini berbuka puasa dan wajib ke atas mereka mengqadhakan puasa yang ditinggalkannya menurut ijma' ulama', kerana keadaan kedua-duanya seperti orang sakit yang takut binasa dirinya dengan sebab puasa.

k- Kalau wanita tersebut takut kemudharatan ke atas dirinya serta anaknya atau mudharat ke atas anaknya sahaja. Harus baginya berbuka puasa dan wajib ke atasnya qadha puasa yang ditinggalkan, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Anas daripada Nabi **r**:

((إن الله وضع عن المسافر نصف الصلاة والصوم، وعن الحبلى والمرضع)).

رواه النسائي وابن خزيمة وهو حديث حسن.

"*Allah **I** telah meringankan daripada orang musafir setengah solat dan puasa serta daripada wanita*

mengandung dan menyusu”. (H.R. An-Nasai dan Ibnu Khuzaimah, darjatnya: Hasan).

l- Orang yang terlalu tua sama ada lelaki atau perempuan, diberikan kelonggaran kepada mereka untuk meninggalkan puasa sekiranya puasa boleh menyebabkan kesukaran dan kesusahan yang berat ke atas mereka. Wajib ke atas keduanya memberi makan seorang miskin setiap hari. Dalilnya hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada ‘Ataa’ beliau mendengar Ibnu ‘Abbas **y** membaca ayat:

.(البقرة: 184) á 8üÅóÏ B ä$èÛ ×f%ÎiÎ ¼çRq à)‹Ü ãšú ï%©$'?ãr â

“*Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah (iaitu) memberi makan seorang miskin*”. (Al-Baqarah: 184).

Kata Ibnu ‘Abbas **y**: Ayat ini tidak dimansuhkan (dibatalkan hukumnya). Ianya digunakan untuk orang lelaki dan perempuan yang terlalu tua, yang tidak mampu melakukan puasa, maka diberi makan seorang miskin setiap hari”.

m- Musafir dikira salah satu daripada keuzuran yang diharuskan berbuka puasa, dalilnya hadis Anas **t**:

(كنا نسافر مع النبي r ، فلم يعب الصائم على المفطر، ولا المفطر على الصائم) متفق عليه.

“*Kami bermusafir bersama Rasulullah **r**. Tidak ada sahabat yang berpuasa mencela orang yang tidak berpuasa dan orang yang tidak berpuasa pula tidak mencela orang yang berpuasa*”. (Muttafaq ‘alaih).

* * *

Rukun Kelima:

Haji (الحــج)

1) Ta'rif Haji.

Haji menurut **bahasa Arab**: ialah *Qasad untuk menuju ke suatu tempat*. Dikatakan: Fulan telah haji ke arah kami yakni dia telah datang menuju kepada kami dan mendatangi kami.

Haji **menurut syara'** pula ialah: *Qasad menuju ke Makkah untuk melakukan amalan* ***nusuk*** *(ibadat haji) dengan sifat-sifat yang tertentu, pada waktu yang telah ditentukan, dengan menurut syarat-syarat yang tertentu*.

2) Hukum mengerjakan haji.

Para ulama' telah bersepakat (ijma') bahawa haji telah diwajibkan ke atas umat ini bagi yang mampu melakukannya sekali seumur hidup. Haji merupakan salah satu daripada lima rukun yang dibina asas Islam di atasnya. Firman Allah Ta'ala:

ÓÍ î ©$b î ù •ÿ. `Br Wx‹Î™ ïnø‹) í $ÜGó™$Ç B ÏMø‹ t7ø9$# k Ïm Ä¨ $Z9$# ’?ã ¬! r â

(آل عمران: 97). á ÇÏHÈ ûüÏJ=»yèø9$# Çã

"*Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya dan siapa yang kufur maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari sekalian makhluk*". (Aali 'Imran: 97).

Sabda Nabi r:

((بنـي الإسـلام علـى خمـس، شـهادة أن لا إلـه إلا الله، وأن محمـداً رسـول الله، وإقـام الصلاة، وإيتاء الزكاة، وصوم رمضان، وحج بيت الله)) متفق عليه.

"*Islam itu dibina di atas lima rukun: Mengucap syahadah 'Laa ilaaha illallah, Muhammadur Rasulullah', mendirikan solat, mengeluarkan zakat, puasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah*". (Muttafaq 'alaih: Al-Bukhari dan Muslim).

Sabda Nabi **r** sewaktu mengerjakan haji yang terakhir (*al-wada'*):

((**يا أيها الناس، إن الله فرض عليكم حج البيت، فحجوا**)) رواه مسلم.

"*Wahai manusia! Sesungguhnya Allah telah memfardhukan ke atas kamu mengerjakan haji maka tunaikanlah ibadat haji*". (H.R. Muslim).

3) Fadhilat dan hikmah disyari'atkan haji.

Fadhilat haji banyak disebut di dalam al-Quran dan al-Hadis, antaranya:

Firman Allah Ta'ala:

è@ä `Ï šú üîû ÉB$ è@à2 4ãr ZW% `Í š, qè?ù ÆEø$ Ä $Y9$'Î bÏE&r â

4ãã BM»BqèB Ò$ƒ& þÎ « $NÓ™$#(rã2 ãƒr NG9 ìÿ»YB (r%gê Š) ÇÈ 9Ïã Ãù

.(28-27 :الحج) á Éè»R#{ $þJ‹ûg/ .`Ï NG%–' $B

"*Dan serulah umat manusia untuk mengerjakan haji nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan dengan berkenderaan unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh. Supaya mereka menyaksikan pelbagai manfaat bagi kamu dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang ditentukan atas rezeki yang Allah telah berikan kepada mereka dengan binatang-binatang ternakan*". (Al-Hajj: 27,28).

Ibadat haji mengandungi manfaat yang besar bagi umat Islam seluruhnya, manfaat dunia dan akhirat. Di dalamnya mengandungi beberapa ibadat; tawaf mengelilingi Ka'bah,

sa‘ie di antara Safa dan Marwah, wuquf di Arafah, di Mina dan di Muzdalifah, melontar Jamrah, bermalam di Mina, sembelih *hadyu* (korban dan dam), cukur kepala dan banyak berzikir kepada Allah. Semuanya dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah, merendahkan diri kepada Allah dan kembali kepada Allah, kerana inilah ibadah haji merupakan salah satu sebab besar yang boleh menghapuskan dosa dan memasuki syurga.

Daripada Abu Hurairah t katanya: ‘Aku mendengar Rasulullah r bersabda:

((من حج هذا البيت، فلم يرفث، ولم يفسق، رجع من ذنوبه كيوم ولدته أمه))

رواه البخاري ومسلم.

“*Sesiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan* ***rafath*** *(jima’ dan perkara yang berhubung dengannya), tidak melakukan* ***fusuq*** *(perbuatan jahat dan keji) dia akan kembali daripada dosanya sebagaimana ia keluar daripada perut ibunya (tidak berdosa)*”. (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Daripada Abu Hurairah t sabda Rasulullah r:

((العمرة إلى العمرة كفارة لما بينهما، والحج المبرور ليس له جزاء إلا الجنة))

رواه البخاري ومسلم.

“*Satu umrah dengan umrah yang lain merupakan* ***kaffarah*** *(penghapus dosa) di antara keduanya dan haji yang* ***mabrur*** *(yang diterima oleh Allah) tidak ada balasan baginya kecuali syurga*”. (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Daripada Abu Hurairah t katanya:

((سئل رسول الله r أي الأعمال أفضل؟ قال: "إيمان بالله ورسوله". قيل: ثم ماذا؟ قال: "جهاد في سبيل الله". قيل: ثم ماذا؟ قال: "حج مبرور")) متفق عليه.

“*Rasulullah r ditanya: Manakah amalan yang paling afdhal? Jawabnya: “Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya”. Kemudian ditanya lagi: Selepas daripada itu,*

manakah ibadat yang afdhal? Jawabnya: "Berjihad di jalan Allah". Kemudian ditanya lagi: Selepas daripada itu, manakah ibadat yang afdhal? Jawabnya: "Haji Mabrur". (Muttafaq 'alaih).

Dari Abdullah bin Mas'ud **t** katanya: Sabda Nabi **r**:

((**تابعوا بين الحج والعمرة؛ فإنهما ينفيان الفقر والذنوب، كما ينفي الكير خبث الحديد والذهب والفضة. وليس للحجة المبرورة ثواب إلا الجنة**)) رواه الترمذي وقال: حديث حسن صحيح.

"*Ikutilah (ulangilah) di antara haji dan umrah, kerana kedua-duanya menghapuskan kefakiran dan dosa sebagaimana api menghapuskan karat besi, emas dan perak dan tidak ada balasan pahala bagi haji yang mabrur melainkan syurga*". (H.R At-Tirmizi, katanya: Hadis hasan sahih).

Antara manfaat haji; pertemuan sebahagian umat Islam yang datang dari seluruh pelusuk dunia di bumi yang sangat dikasihi oleh Allah. Mereka berkenal-kenalan, tolong menolong di atas melakukan kebaikan dan taqwa, serta mereka berada dalam keadaan yang sama, dalam ucapan, zikir dan amalan. Semua ini menjadi tarbiyah kepada mereka untuk bersatu padu dan berhimpun di atas aqidah, ibadat, tujuan dan cara yang satu. Melalui perhimpunan ini mereka dapat berkenal-kenalan, mendekatkan diri dan bertanya khabar di antara satu sama lain, sebagai melaksanakan firman Allah Ta'ala:

ÿ@í$7%r $Xqãè© Nä3»Yù=yèy_ r 4Ó\Ré& 9.Œ `ÏiB /ä3»Yø)n=z $RÎ) â¨$Z9$# $pkš»¯tƒ â

.(13 :الحجرات) á ÇÊÌÈ ×Î7yz îLìÎ=tã ©!$# bÎ) 4 Nä39)ø«r& «!$# yYÏã ö/ä3tBtò2r& bÎ) 4 (þqèù$yètGÏ9

"*Wahai umat manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami telah jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku-*

suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di kalangan kamu. Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui, lagi Amat Mendalam Pengetahuan-Nya". (Al-Hujurat: 13).

4) Syarat-syarat wajib haji.

a- Tidak ada khilaf di kalangan ulama' bahawa haji diwajibkan setelah cukup lima syarat, iaitu: Islam, berakal, baligh, merdeka dan berkemampuan untuk melakukannya.

Bagi kaum wanita ditambah satu syarat lagi iaitu ada *mahram* (suami atau keluarga terdekat yang haram dinikahi dengannya) yang bermusafir bersama dengannya untuk mengerjakan haji, kerana sabda Nabi **r** yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah **t** :

((لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر، تسافر مسيرة يوم إلا ومعها ذو محرم))

متفق عليه.

"*Tidak halal bagi seorang perempuan yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat bermusafir dalam perjalanan yang jaraknya satu hari perjalanan kecuali bersama mahramnya*". (Muttafaq 'alaih).

Para ulama' feqah (*fuqaha'*) telah membahagikan syarat-syarat ini kepada tiga bahagian:

Pertama: Ada di antaranya yang menjadi syarat wajib haji dan syarat sah haji, iaitu: Islam dan berakal. Orang kafir dan orang gila tidak diwajibkan untuk mengerjakan haji, bahkan tidak sah daripada kedua-duanya, kerana mereka berdua bukan terdiri daripada ahli ibadat.

Kedua: Ada di antaranya yang menjadi syarat wajib dan diterima sebagai haji Islam (fardhu) iaitu: Baligh dan merdeka. Kedua-dua syarat ini bukan menjadi syarat sah

haji. Kalau seorang kanak-kanak dan hamba melakukan haji, sah haji mereka tetapi tidak dikira sebagai haji Islam.

Ketiga: ada yang menjadi syarat wajib sahaja iaitu: Kemampuan. Sekiranya seseorang yang tidak mampu melakukannya dengan penuh kepayahan, bermusafir tanpa bekalan atau tidak berkenderaan, sah hajinya.

b- Hukum mengerjakan haji untuk orang lain.

Tidak ada *khilaf* di kalangan ulama' bahawa mereka yang meninggal dunia sebelum mampu untuk menunaikan haji maka gugurlah fardhu haji daripadanya.

Mereka yang meninggal setelah berkemampuan untuk melakukannya adakah gugur tuntutan haji daripadanya atau tidak?

Menurut pendapat yang sahih -*insya' Allah*- tuntutan haji tidak gugur daripada mayat tersebut. Keluarganya wajib menunaikan haji untuknya dengan harta peninggalannya, sama ada dia meninggalkan wasiat atau tidak. Tuntutan haji telah tetap ke atasnya sama seperti hutang. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Abbas y: Seorang perempuan telah bernazar untuk mengerjakan haji, kemudian perempuan tersebut meninggal dunia sebelum menunaikannya, lalu saudaranya datang bertanya Rasulullah r tentangnya. Sabda Nabi r:

((أرأيت لو كان على أختك دين أكنت قاضيه؟)) قال: نعم. قال: ((فاقضوا الله، فهو أحق بالوفاء)) رواه النسائي.

"*Apakah pendapat engkau kalaulah saudara perempuan engkau berhutang, apakah engkau akan menjelaskannya?*". *Jawabnya: Ya. Sabdanya:* "*Tunaikanlah (nazarnya) kerana hutang Allah lebih berhak untuk ditunaikan*". (H.R. An-Nasai).

c- Orang yang belum menunaikan haji untuk dirinya, bolehkah dia melakukan haji untuk orang lain?

Menurut pendapat yang sahih tidak boleh melakukan haji untuk orang lain sebelum menunaikan haji untuk dirinya. Berdasarkan hadis yang masyhur:

(أن النبي r سمع رجلاً يقول: لبيك عن شبرمة. قال: ((من شبرمة؟)). قال: أخ لي، أو قريب لي. فقال عليه الصلاة والسلام: ((حججت عن نفسك؟)). قال: لا. قال: ((حج عن نفسك، ثم حج عن شبرمة)) رواه أحمد وأبو داود وابن ماجه والبيهقي وصححه.

'Nabi r telah mendengar seorang lelaki berkata: 'Labbaika 'an Syubrumah' saya datang menyahut seruan-Mu (ya Allah) sebagai ganti daripada Syubrumah. Nabi bertanya: "Siapakah Syubrumah itu?" Jawabnya: Saudara saya atau keluarga saya. Nabi r bertanya lagi: "Sudahkah engkau menunaikan haji untuk dirimu?". Jawabnya: Belum. Sabda Nabi r: "Tunaikan haji untuk dirimu dahulu kemudian kerjakan haji untuk Syubrumah". (H.R. Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah dan al-Baihaqi serta mentashihnya).

Menurut pendapat yang sahih boleh mengerjakan haji untuk orang yang uzur yang tidak mampu mengerjakan haji dengan sendiri, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Fadl bin 'Abbas y:

(...أن امرأة من خثعم قالت: يا رسول الله! إن فريضة الله على عباده في الحج أدركت أبي شيخاً كبيراً، لا يثبت على الراحلة، أفأحج عنه؟ قال: ((نعم)). وذلك في حجة الوداع). متفق عليه، واللفظ للبخاري.

"...*Seorang wanita daripada bani Khath'am berkata: 'Wahai Rasulullah, Allah telah memfardhukan ibadat haji ke atas hamba-hamba-Nya. Bapa saya sangat tua dan tidak boleh duduk di atas kenderaan, bolehkah saya mengerjakan haji untuknya?'. Jawab Nabi r: "Boleh". Peristiwa tersebut berlaku sewaktu Nabi mengerjakan Hajjatul*

Wada' (haji terakhir). (Muttafaq 'alaih, lafaz hadis dari al-Bukhari).

d- Adakah wajib dikerjakan haji (bagi orang yang mampu) secara segera atau boleh ditangguhkan?

Menurut pendapat ulama' yang *rajih* (paling kuat) -*insya' Allah*- haji wajib ditunaikan dengan segera apabila telah cukup syarat-syaratnya, berdasarkan umum firman Allah Ta'ala:

á ¬!ur ’?ã Ä¨$¨Z9$# kßm ÏMøt7ø9$# Ç`tB tí$sÜtGó™$# Ïmø‹s9Î) Wx‹Î6y™ â (آل عمران: 97).

"*Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya*". (Aali 'Imran: 97).

Firman Allah Ta'ala:

á (#q‘J Ï?r&ur ¢kptø:$# not•ôJãèø9$#ur ¬! â (البقرة: 196).

"*Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah*". (Al-Baqarah: 196).

Tersebut dalam hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas **y**, sabda Nabi **r**:

((**تعجلوا إلى الحج، -يعني الفريضة-، فإن أحدكم لا يدري ما يعرض له**)) رواه أبو داود وأحمد والحاكم وصححه.

"*Segeralah menunaikan haji -yakni yang fardhu- kerana seseorang kamu tidak mengetahui apa yang akan menimpanya*". (H.R. Abu Daud, Ahmad dan al-Hakim serta mentashihnya).

5) Rukun-rukun haji.

Terdapat empat rukun dalam ibadat haji:

a- Ihram (niat mengerjakan haji).

b- Wuquf di Arafah.

c- Tawaf Ifadhah (ziarah).

d- Sa‘ie di antara Safa dan Marwah.

Rukun haji mesti dikerjakan. Tidak sah haji seseorang itu jika dia meninggalkannya.

Rukun pertama: Ihram.

Ta’rif Ihram: *Ihram ialah niat memasuki ibadah nusuk* (haji atau umrah).

Miqat untuk ihram haji ada dua jenis; miqat zamani dan miqat makani.

Miqat Zamani (masa untuk berniat haji): ialah dalam bulan haji, sebagaimana firman Allah Ta‘ala:

.(197 :البقرة) á ×M»Bq÷èB ÖÛÎ6¨ ‹ktø:$â

“*Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum*”. (Al-Baqarah: 197).

Iaitu bulan Syawal, Zulqe’dah dan Zulhijjah.

Miqat Makani (tempat berihram haji): ialah sempadan tempat berniat haji bagi orang yang ingin mengerjakannya. Tidak boleh melintasinya dengan tidak berihram.

Miqat makani ada lima tempat:

1- **Zulhulaifah**. Sekarang dikenali dengan nama *Abar ‘Ali*, iaitu miqat bagi penduduk Madinah. Jauhnya daripada Makkah ialah 336 km atau 224 batu.

2- **Al-Juhfah**. Iaitu sebuah kampung yang terletak berdekatan dengan laut merah. Jaraknya 10km, jauhnya daripada Makkah ialah 180km atau 120 batu. Miqat ini untuk penduduk Mesir, *Syam* (Syria, Jordan, Palestin dan

Lubnan) dan Maghribi (Morocco) juga penduduk yang berada selepas daripadanya, daripada penduduk Andalus dan Rom. Pada zaman ini para jemaah haji berniat di *Rabigh*, kerana ia berbetulan dengan al-Juhfah

3- **Yalamlam**. Sekarang dikenali dengan nama *As-Sa'diyyah*, terletak di salah sebuah bukit Tihamah. Jauhnya dari Makkah ialah 72km atau 48 batu. Miqat ini untuk penduduk Yaman, Jawa (Nusantara), India dan China.

4- **Qarnul Manazil**. Sekarang ini dikenali dengan nama *As-Sail al-Kabir*. Jauhnya daripada Makkah ialah 72km atau 48 batu. Miqat ini untuk penduduk Najd dan Taif.

5- **Zatu 'Irqin**. Sekarang dinamakan dengan *Ad-Dharibah*. Dinamakan demikian kerana terdapat sebuah bukit kecil di tempat tersebut. Jauhnya dari Makkah 72km atau 48 batu. Miqat ini untuk penduduk di sebelah Timur, Iraq dan Iran.

Inilah *miqat makani* yang menjadi sempadan bagi mereka yang mengerjakan haji atau umrah. Mereka tidak boleh melintasinya tanpa berniat ihram.

Rasulullah r telah menjelaskannya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas y, katanya:

((**وقَّت رسول الله r لأهل المدينة ذا الحليفة، ولأهل الشام الجحفة، ولأهل نجد قرن المنازل، ولأهل اليمن يلملم، هن لهن ولمن أتى عليهن من غير أهلهن، ممن أراد الحج أو العمرة. ومن كان دون ذلك فمن حيث أنشأ، حتى أهل مكة من مكة**)) متفق عليه. ولمسلم من حديث جابر - t -: ((**مهل أهل العراق ذات عرق**)).

"*Rasulullah r telah menjadikan Zulhulaifah miqat bagi penduduk Madinah, Juhfah bagi penduduk Syam, Qarnul Manazil bagi penduduk Najd dan Yalamlam bagi penduduk Yaman. Miqat tersebut untuk penduduk di kawasan tersebut dan orang yang melaluinya bagi penduduk yang datang dari tempat lain yang ingin mengerjakan haji atau umrah.*

Bagi penduduk yang berada selepas miqat maka tempat berihram ialah di tempat mereka ingin berniat. Penduduk Makkah berniat di Makkah”. (Muttafaq ‘alaih).

Menurut riwayat Muslim daripada hadis Jabir t :

“*Miqat penduduk Iraq ialah Zatu ‘Irqin*”.

Mereka yang tidak melalui salah satu daripada miqat tersebut, maka hendaklah dia berniat ihram apabila melalui kawasan yang bertentangan dengan kawasan yang hampir dengan miqat yang telah ditetapkan.

Demikian juga bagi orang yang menaiki kapal terbang, maka hendaklah dia berniat ihram apabila melintasi udara di atas miqat. Dia tidak boleh melewatkan ihram hingga sampai di lapangan terbang Jeddah, sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian jemaah haji. Hal ini kerana Jeddah bukan miqat, kecuali bagi penduduk yang tinggal di Jeddah atau mereka yang baru berazam untuk mengerjakan haji atau umrah sewaktu sampai di Jeddah. Sesiapa yang berihram di tempat lain selain daripada salah satu miqat yang ditetapkan maka dia telah meninggalkan satu perkara daripada wajib haji, iaitu berihram di miqat. Maka dia wajib membayar *fidyah* (dam).

Demikian juga mereka yang melintasi miqat dengan tidak berihram. Wajib ke atasnya kembali semula ke arah miqat tersebut. Jika dia tidak kembali semula dan berihram selepas daripadanya maka wajib ke atasnya fidyah, iaitu menyembelih seekor kambing atau sebahagian daripada tujuh bahagian unta atau lembu, lalu dibahagi-bahagikan kepada orang miskin di Tanah Haram. Dia tidak boleh makan walaupun sedikit daripadanya.

Sifat (Cara-cara) Ihram.

Disunatkan sebelum berihram agar bersiap sedia untuknya. Antaranya ialah mandi, membersihkan diri, mencukur misai dan bulu yang diharuskan mencukurnya dan memakai bauan di badan. Bagi orang lelaki hendaklah menukar pakaian yang berjahit dengan memakai dua helai kain yang berwarna putih dan bersih.

Menurut pendapat yang paling sahih tidak ada solat khas untuk berihram, sekiranya berkebetulan dengan waktu solat fardhu berihramlah selepas solat tersebut, kerana Nabi r berihram selepas solat. Kemudian pilihlah untuk berihram dengan salah satu daripada tiga jenis haji, sama ada tamattu', qiran atau ifrad.

Haji Tamattu': Iaitu berihram umrah dalam bulan haji dan menyempurnakan umrah tersebut, kemudian berihram haji pada tahun yang sama.

Haji Qiran: Iaitu berihram umrah dan haji secara serentak, atau berihram umrah kemudian berniat memasukkan haji ke atasnya sebelum memulakan tawaf. Berniat umrah dan haji di miqat, atau sebelum memulakan tawaf umrah, kemudian melakukan tawaf dan sa'ie untuk kedua-duanya.

Haji Ifrad: Iaitu berihram haji sahaja di miqat dan kekal berada dalam ihramnya sehinggalah selesai menunaikan amalan haji.

Orang yang mengerjakan haji tamattu' dan qiran dikenakan *fidyah* (dam) sekiranya mereka bukan dari kalangan penduduk Makkah .

Para ulama' berbeza pendapat tentang *nusuk* (haji) yang manakah paling afdhal. Menurut sebahagian ulama' yang sangat teliti kajiannya, haji yang afdhal ialah tamattu'.

Kemudian, setelah selesai berihram dengan salah satu daripada tiga jenis haji ini hendaklah bertalbiyah selepas berniat ihram dan ucapkanlah:

لبيك اللهم لبيك، لبيك لا شريك لك لبيك،

إن الحمد والنعمة لك والملك، لا شريك لك.

"*Ku sambut seruan-Mu ya Ilahi, ku sambut seruan-Mu. Ku sambut seruan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu, ku sambut seruan-Mu. Sesungguhnya segala puji, nikmat dan kerajaan adalah milik-Mu, tiada sekutu bagi-Mu*" .

Banyakkan bertalbiyah, bagi orang lelaki bertalbiyahlah dengan suara yang lantang.

Larangan semasa ihram.

Perkara-perkara yang dilarang dengan sebab ihram, sembilan perkara:

Pertama: Mencabut bulu di badan, sama ada dengan bercukur atau sebagainya, kerana firman Allah Ta'ala:

.(196 :البقرة) á ¼ãæC ß %ãl$÷èo ©4m Ó3™râ (q)è±B Ÿwr â

"*Dan jangan kamu mencukur kepala kamu sebelum hadyu (binatang sembelihan) sampai di tempat penyembelihannya*". (Al-Baqarah: 196).

Kedua: Mengerat kuku, kerana perbuatan ini menjadikan seseorang berhias, hukumnya seperti mencabut bulu, kecuali ada keuzuran maka harus mengeratnya seperti hukum bercukur di atas.

Ketiga: Menutup kepala, kerana Rasulullah r melarang orang berihram memakai serban. Juga sabda Nabi r mengenai seorang yang sedang berihram yang telah dilanggar oleh binatang tunggangannya:

((**ولا تخمر رأسه؛ فإنه يبعث يوم القيامة ملبياً**)) رواه البخاري ومسلم من حديث ابن عباس –رضي الله عنهما-.

"*Jangan kamu tutup kepalanya, kerana dia akan dibangkitkan pada Hari Kiamat dalam keadaan bertalbiyah*". (H.R. Al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu 'Abbas y).

Kata Ibnu Umar y:

(**إحرام الرجل في رأسه، وإحرام المرأة في وجهها**) رواه البيهقي بإسناد جيد.

"*Ihram orang lelaki ialah di kepalanya dan ihram orang perempuan ialah di mukanya*". (H.R. Al-Baihaqi, sanadnya baik).

Keempat: Memakai pakaian yang berjahit yang melingkungi badan dan memakai *khuf* (stokin tebal yang diperbuat daripada kulit) Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar y katanya: Rasulullah r ditanya: Apakah pakaian ihram orang lelaki? Sabdanya:

((**لا يلبس المحرم القميص، ولا العمامة، ولا البرانس، ولا السراويل، ولا ثوباً مسّه ورس، ولا زعفران، ولا الخفين، إلا أن لا يجد نعلين فليقطعهما، حتى يكونا أسفل من الكعبين**)) رواه البخاري ومسلم.

"*Orang (lelaki) yang berihram tidak boleh memakai baju, serban, jubah, seluar, pakaian yang terkena wars (wangian) dan za'faran, juga tidak boleh memakai khuf kecuali jika dia tidak mempunyai selipar, hendaklah dia memotongnya hingga berada di bawah buku lali*". (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Kelima: Memakai wangian. Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Safwan bin Ya'la bin Umayyah: Nabi r mengarahkan seorang lelaki agar membasuh (menghilangkan) wangian". (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Sabda Nabi r mengenai seorang yang sedang berihram yang telah dilanggar oleh binatang tunggangannya:

((**لا تحنطوه...**)) رواه البخاري ومسلم من حديث ابن عباس.

ولمسلم: ((**ولا تمسوه بطيب**)).

"*Jangan kamu pakaikan wangian kepadanya*…". (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Menurut riwayat Muslim: "*Jangan kamu kenakan wangian kepadanya*".

Haram bagi orang yang berihram selepas berniat ihram memakai wangian di badannya atau mengenakan sedikit wangian, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar y di atas.

Keenam: Membunuh binatang buruan di darat. Berdasarkan firman Allah Ta'ala:

á Pãm ÑΞR&r ‰ŠøÁ 9$#(qè=çFø? w (qãB#ä ûïÏ%©!$#$pkš'»ƒ â (المائدة: 95).

"*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berihram*". (Al-Maidah: 95).

Haram menangkapnya walaupun dengan tidak membunuh atau melukakannya, berdasarkan firman Allah Ta'ala:

á $Ybãm óΟçFøΒ $B Îhy9ø9$# ߉ø‹¹ öΝä3ø‹n=tæ Pìhãmr â (المائدة: 96).

"*Dan diharamkan ke atas kamu (menangkap) binatang buruan di darat selama kamu berada dalam ihram*". (Al-Maidah: 96).

Ketujuh: Akad nikah. Orang yang berihram tidak boleh berkahwin dan tidak boleh mengahwinkan orang lain, sama ada sebagai wali atau wakil, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Usman t daripada Nabi r:

((**لا يَنكح المحرم، ولا يُنكَحُ، ولا يخطب**)) رواه مسلم.

"*Orang berihram tidak boleh berkahwin, tidak boleh dikahwinkan dan tidak boleh meminang*". (H.R Muslim).

Kelapan: Melakukan jima'. Berdasarkan firman Allah Ta'ala:

á]ù' Ÿxù ©køtø$ Æ ûÎgŠÏù Ú•ù `Jù â (البقرة: 197).

"*Sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji, maka tidak boleh melakukan **rafath** (mengeluarkan perkataan yang menimbulkan berahi atau menyetubuhi isteri)*". (Al-Baqarah: 197).

Kata Ibnu 'Abbas y: maksud *rafath* ialah jima', dalilnya firman Allah Ta'ala:

á Ný3Í¬!$|¡ÎS 4'n<Î) ß]ùsø9$# QÏ$uŠÅ_Á9$# s's#øn=s9 öNà6 9@Ïmé& â (البقرة: 187).

"*Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa rafath dengan isteri-isteri kamu*". (Al-Baqarah: 187). Yakni; melakukan jima'.

Kesembilan: Berseronok (bukan jima') dengan isteri dengan perasaan ghairah, dengan melakukan kucupan atau menyentuhnya. Demikian juga memandangnya dengan syahwat, kerana perbuatan tersebut boleh membawa kepada persetubuhan yang diharamkan maka hukumnya haram.

Kaum wanita sama hukumnya dengan lelaki kecuali beberapa perkara:

Ihram wanita di mukanya. Haram baginya menutup muka dengan memakai penutup muka atau topeng atau lainnya. Haram bagi mereka memakai sarung tangan, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar y daripada Nabi r: antaranya disebut:

((**ولا تنتقب المرأة المحرمة، ولا تلبس القفازين**)) رواه البخاري.

"*Wanita yang berihram tidak boleh menutup muka dan memakai sarung tangan*". (H.R. Al-Bukhari).

Kata Ibnu Umar y:

(**إحرام المرأة في وجهها**) رواه البيهقي بإسناد جيد.

"*Ihram orang perempuan di mukanya*". (H.R. Al-Baihaqi, sanadnya baik).

Juga berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Aishah *radhiallahu 'anha* katanya:

(**كان الركبان يمرون بنا، ونحن مع رسول الله r محرمات، فإذا حاذوا بنا سدلت إحدانا جلبابها من رأسها على وجهها، فإذا جاوزنا كشفناه**) رواه أبو داود وابن ماجه وأحمد وسنده حسن.

"*Para penunggang kenderaan lalu berdekatan dengan kami, sedang kami berihram bersama dengan Rasulullah r. Apabila mereka melintasi kami salah seorang daripada kami melabuhkan jilbab (tudung)nya dari atas kepala menutupi mukanya dan apabila mereka telah pergi jauh maka kami membukanya*". (H.R Abu Daud, Ibnu Majah dan Ahmad, sanadnya hasan).

Haram bagi kaum wanita melakukan perkara-perkara yang diharamkan ke atas lelaki, seperti mencabut bulu, mengerat kuku, membunuh binatang perburuan dan seumpamanya, kerana mereka juga termasuk di dalam sabda Nabi r secara umum. Kecuali memakai pakaian berjahit yang membalut badan, memakai *khuf* (kasut) dan menutup kepala.

Rukun kedua: **Wuquf di Arafah**.

Sabda Nabi r:

((**الحج عرفة**)) رواه أحمد وأصحاب السنن.

"*Haji itu ialah berwuquf di Arafah*". (H.R Ahmad dan Ashab as-Sunan).

Rukun ketiga: **Tawaf Ifadhah**.

Firman Allah Ta‘ala:

.(الحج: 29) á ÇÈ È,ŠFè$Mš7Ø9$Î/ (qèùq©Ü‹u9ur â

“*Dan hendaklah mereka melakukan tawaf di Baitullah al-‘atiq*”. (Al-Hajj: 29).

Rukun keempat: Sa‘ie.

Sabda Nabi r:

((اسعوا؛ فإن الله كتب عليكم السعي)) رواه الإمام أحمد والبيهقي.

“*Lakukanlah sa‘ie, kerana Allah Ta‘ala telah mewajibkan ke atas kamu melakukan sa‘ie*”. (H.R. Ahmad dan al-Baihaqi).

6) Wajib Haji.

Amalan yang wajib dilakukan dalam haji ada tujuh perkara:

1) Berihram (berniat) di Miqat.

2) Wuquf di Arafah hingga terbenam matahari, bagi mereka yang berwuquf di siang hari.

3) Bermalam *(mabit)* di Muzdalifah.

4) Bermalam *(mabit)* di Mina pada malam-malam hari Tasyriq (11, 12 dan 13).

5) Melontar tiga Jamrah.

6) Bercukur atau bergunting.

7) Tawaf Wada’.

7) Sifat (Cara mengerjakan) Haji.

Disunatkan bagi orang yang ingin mengerjakan haji mandi seperti mandi junub, memakai wangian di badannya, seperti di kepala dan janggut serta memakai dua helai kain yang berwarna putih.

Bagi orang perempuan, boleh memakai apa saja pakaian dengan syarat pakaian yang dipakai itu tidak menampakkan perhiasan dan bukan bertujuan untuk berhias.

Kemudian apabila sampai di miqat, tunaikan solat fardhu, sekiranya berkebetulan dengan waktunya, untuk berihram selepasnya. Jika sekiranya bukan waktu solat fardhu, solatlah dua rakaat dengan niat sunat wudhu' bukan dengan niat sunat ihram, kerana tidak sabit daripada Nabi **r** ada solat sunat khas untuk ihram.

Apabila telah selesai daripada mengerjakan solat, niatlah untuk memasuki *nusuk* (haji atau umrah).

Jika ingin melakukan haji tamattu' maka ucaplah: "*Labbaikallahumma Umrah*" (kami datang menyahut seruan-Mu ya Allah dengan mengerjakan umrah).

Kalau haji ifrad ucaplah: "*Labbaikallahumma Hajjan*" (kami datang menyahut seruan-Mu ya Allah dengan mengerjakan haji).

Kalau haji qiran, ucaplah: "*Labbaikallahumma Hajjan wa Umrah*" (kami datang menyahut seruan-Mu ya Allah dengan mengerjakan haji dan umrah).

Bagi orang lelaki hendaklah meninggikan suaranya. Manakala orang perempuan hendaklah mengucapnya dengan suara perlahan. Jemaah haji disunatkan banyak bertalbiyah sewaktu berada dalam ihram.

Apabila sampai di Makkah, mulakan amalan haji dengan melakukan tawaf. Dimulakan dari Hajar Aswad dan jadikan Ka'bah berada di sebelah kirinya. Pergilah ke Hajar Aswad dan mengucupnya atau menyentuhnya dengan tangan kanan jika boleh melakukannya dengan mudah tanpa menyakitkan orang lain, atau memadai dengan mengisyaratkan (melambaikan) kepadanya dan bertakbir, kemudian ucaplah:

(اللهم إيماناً بك، وتصديقاً بكتابك، ووفاء بعهدك، وإتباعاً لسنة نبيك **r**).

“*Ya Allah, kami bertawaf kerana beriman kepada-Mu, membenarkan isi kandungan Kitab-Mu, menunaikan janji-Mu dan mengikuti sunnah Nabi-Mu* r”.

Lakukan tawaf sebanyak tujuh pusingan. Apabila melalui Rukun Yamani sentuhlah padanya tanpa mengucupkannya.

Antara sunat-sunat ketika tawaf ialah *ramal* -iaitu berjalan cepat dengan langkahan yang hampir- (bagi orang lelaki), pada tiga pusingan yang awal, sewaktu melakukan tawaf qudum (selamat sampai). Ini berdasarkan hadis Ibnu Umar y:

(كان رسول الله r إذا طاف الطواف الأول خب ثلاثاً، ومشى أربعاً).

“*Rasulullah* r *sewaktu melakukan tawaf yang pertama, Baginda berjalan cepat pada tiga pusingan pertama dan berjalan biasa pada empat pusingan yang seterusnya*”. (Muttafaq ‘alaih).

Antara sunat tawaf juga ialah *idhtiba’* -iaitu meletakkan kain ihram di bawah ketiak sebelah kanan dan meletakkan sebelahnya lagi di atas bahu kiri-, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbas y:

(اضطبع رسول الله r هو وأصحابه، ورملوا ثلاثة أشواط).

“*Rasulullah* r *serta para sahabatnya telah ber*idhtiba’ *dan* ramal *(berjalan cepat dengan langkahan yang sempit) pada tiga pusingan pertama*”.

Idhtiba’ sunat dilakukan sewaktu mengerjakan tujuh pusingan tawaf sahaja. Tidak disunatkan sebelum tawaf juga selepasnya.

Berdoalah ketika bertawaf dengan doa (permintaan) yang dihajatinya, dengan penuh khusyu’ dan hati yang tenang.

Ucaplah di antara Rukum Yamani dan Hajar Aswad:

á ÇÈ í$Z9$>#‹ã $Y̎r Z¡m ó•Å y$’îr Z¡m $‹R‰9$’î $Yï#ä $Y/‘ â

(البقرة: 201).

"*Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharakanlah kami dari seksaan api neraka*". (Al-Baqarah: 201).

Terikat dengan bacaan tertentu (seperti dalam buku yang ditulis) untuk setiap pusingan tidak ada dalil daripada sunnah Rasulullah r, bahkan ia merupakan suatu bid'ah.

Tawaf ada tiga jenis: **Ifadhah, Qudum dan Wada'**.

Yang pertama (*Ifadhah*) adalah rukun haji, yang kedua (*Qudum*) sunat dan yang ketiga (*Wada'*) wajib haji menurut pendapat yang *rajih* (kuat).

Apabila selesai mengerjakan tawaf, tunaikanlah solat sunat tawaf dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim, walaupun jauh daripadanya. Bacalah pada rakaat pertama: Surah al-Fatihah dan {قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ}"*Qul ya ayyuhal kafirun…*" (surah al-Kafirun) dan rakaat kedua: Surah al-Fatihah dan: {قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ} "*Qul huwallahu ahad…*" (Surah al-Ikhlas). Sunat melakukannya secara ringkas sahaja sebagaimana yang disebut dalam hadis.

Kemudian lakukanlah sa'ie di antara Safa dan Marwah sebanyak tujuh pusingan. Dimulai daripada Safa dan diakhiri dengan Marwah.

Apabila sampai di Safa, disunatkan membaca:

Ÿù •JFã$í MŽ79$ ‹m ôJù «!$ ÌÍ$è© `B or••J9$ $ÿ• 9$ b) * â

á ÇÌÑÈ ÒŠÎã ‹Ï$© ©!$ bÎù #Žöz í§Ü? `Br $J•gÎ/ š’§Ûƒ b& ¼moã y$Y_

[البقرة: 158] **أبدأ بما بدأ الله به**.

“*Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syiar Allah, maka sesiapa yang melakukan haji ke Baitullah atau berumrah tidak ada dosa baginya mengerjakan sa‘ie antara keduanya dan sesiapa yang mengerjakan suatu kebajikan dengan kerelaan hati maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui*”. (Al-Baqarah: 158). “*Saya mulakan dengan permulaan yang disebut oleh Allah*”.

Kemudian naiklah ke atas bukit Safa seraya menghadapkan muka ke arah kiblat, mengangkat kedua belah tangan, mengesakan Allah, bertakbir dan memuji-Nya, serta ucaplah:

(الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك، وله الحمد، يحي ويميت، وهو على كل شيء قدير، لا إله إلا الله وحده، أنجز وعده، ونصر عبده، وهزم الأحزاب وحده).

“*Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya kepujian, menghidupkan dan mematikan dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Allah telah menepati janji-Nya dan membela hambanya dan mengalahkan tentera musuh dengan sendiri-Nya*”.

Kemudian berdoalah dengan perkara yang dihajatinya daripada kebaikan dunia dan akhirat, serta mengulanginya sebanyak tiga kali.

Kemudian turun menuju ke arah Marwah. Sunat bagi orang lelaki berlari-lari anak di antara dua tanda hijau, sekiranya mudah dan tidak menyakiti orang lain. Apabila sampai di Marwah naiklah ke atasnya, dengan menghadap

muka ke arah kiblat dan mengangkat kedua belah tangan serta ucaplah seperti bacaan di Safa.

Sekiranya doa ini dibaca ketika sa‘ie ada baiknya:

(رب اغفر وارحم إنك أنت الأعز الأكرم)

"*Wahai Tuhan, ampunilah dan berikanlah rahmat. Sesungguhnya Engkau sangat Mulia lagi Maha Pemurah*". Kerana telah sabit bacaan ini daripada Ibnu Umar dan Ibnu Mas‘ud **y**.

Disunatkan berwudhu' sewaktu melakukan sa‘ie, tetapi jika seseorang itu melakukan sa'ie tanpa wudhu' sah sa‘ienya. Demikian juga perempuan haid sah sa‘ienya kerana wudhu' tidak termasuk dalam syarat sah sa‘ie.

Setelah selesai daripada sa‘ie, guntinglah rambut sekiranya ia melakukan haji tamattu', iaitu dengan menggunting seluruh rambut di kepalanya. Bagi orang perempuan digunting rambutnya sekadar seruas jari.

Jika seseorang itu melakukan haji qiran atau haji ifrad maka hendaklah dia kekal berada dalam ihram sehingga sampai waktu *tahallul* (buka ihram) pada Hari Raya Korban selepas melontar Jamrah Aqabah.

Pada hari kelapan Zulhijjah (hari Tarwiyah), orang yang bertamattu' hendaklah kembali berihram haji pada pagi hari tersebut. Demikian juga bagi penduduk Makkah yang ingin mengerjakan haji. Lakukan ketika hendak berihram sama seperti mula-mula berihram, seperti mandi, bersihkan diri dan lainnya. Tidak disunatkan pergi ke Masjidil Haram untuk berihram, kerana tidak diriwayatkan daripada Nabi **r**. Baginda tidak mengarahkan sahabatnya berbuat demikian, sepanjang pengetahuan kami.

Tersebut dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim daripada hadis yang diriwayatkan oleh Jabir t bahawa Nabi r telah bersabda kepada sahabatnya yang melakukan tamattu’:

((أقيموا حلالاً، حتى إذا كان يوم التروية فأهلوا بالحج...)) الحديث.

“*Tinggallah kamu dalam keadaan halal (bebas daripada larangan ihram) hingga apabila hari Tarwiyah maka berihramlah dengan haji*…” al-Hadis.

Menurut riwayat Muslim daripada Jabir t juga, katanya:

((أمرنا رسول الله r لما أهللنا أن نحرم إذا توجهنا إلى منى، فأهللنا من الأبطح)).

“*Rasulullah r menyuruh kami berihram sewaktu kami ingin ke Mina, maka kami berihram di Abtah*”.

Orang yang mengerjakan haji tamattu’ hendaklah mengucapkan ketika berihram haji:

(لبيك حجاً) ‘*Labbaika Hajjan*’.

Disunatkan keluar ke Mina dan melakukan solat zuhur, asar, maghrib dan isya’ secara qasar dengan tidak jama’ di sana. Disunatkan bermalam di Mina pada malam Arafah, berdasarkan hadis Jabir yang diriwayatkan oleh Imam Muslim.

Apabila naik matahari pada hari Arafah (9 Zulhijjah), berjalanlah menuju ke Arafah. Disunatkan berhenti di Namirah hingga *zawal* (matahari condong ke barat) kalau mampu melakukannya, kerana Rasulullah r melakukannya dan sekiranya susah tidak menjadi sebarang masalah, duduklah di mana-mana bahagian bumi Arafah dan tunaikan solat -setelah *zawal*- zuhur dan asar dua rakaat-dua rakaat dijama’kan keduanya, kemudian berwuquflah di Arafah.

Tempat yang afdhal ialah duduk di belakang bukit Rahmah menghadap ke arah kiblat sekiranya boleh dan

kalau tidak, hadaplah ke arah kiblat walau pun membelakangi bukit.

Disunatkan menggunakan sepenuh masa untuk berzikir, berdoa, bertaubat, membaca al-Quran, dengan mengangkat kedua tangan, berdasarkan hadis Usamah t katanya:

(كنت رديف النبي r بعرفات، فرفع يديه يدعو، فمالت به ناقته فسقط خطامها، فتناول خطامها بإحدى يديه، وهو رافع يده الأخرى) رواه النسائي.

وفي صحيح مسلم: (لم يزل واقفاً يدعو حتى غابت الشمس وذهبت الصفرة).

"*Saya berada di belakang Nabi r di atas unta pada hari Arafah. Baginda mengangkat kedua tangannya berdoa, unta pun bergerak lalu jatuhlah tali kekangnya, Baginda pun mengambilnya dengan sebelah tangannya sedang yang sebelah lagi diangkatnya*". (H.R. An-Nasai).

Menurut riwayat Muslim: "*Baginda terus berdiri dan berdoa hingga terbenam matahari dan hilang cahaya kuning*".

Doa pada hari Arafah ialah sebaik-baik doa.

Sabda Nabi r:

((خير الدعاء دعاء يوم عرفة، وخير ما قلت أنا والنبيون من قبلي: لا إله إلا الله وحده، لا شريك، له الملك، وله الحمد، وهو على كل شيء قدير)) رواه مسلم.

"*Sebaik-baik doa ialah doa yang dibaca pada hari Arafah dan sebaik-baik ucapan yang aku ucapkan serta nabi-nabi sebelumku ialah:*

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .

"*Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu*". (H.R. Muslim).

Hendaklah menzahirkan rasa lemah, berhajat dan tunduk kepada Allah. Jangan sekali-kali melepaskan peluang keemasan yang besar ini, sabda Nabi r :

((ما من يوم أكثر من أن يعتق الله فيه عبداً من النار من يوم عرفة، وإنه ليدنو ثم يباهي بهم الملائكة، فيقول: ما أراد هؤلاء)) رواه مسلم.

"*Tidak ada suatu hari yang paling ramai Allah memerdekakan hambanya daripada api neraka selain dari hari Arafah, kerana pada hari itu Allah hampir kepada hamba-Nya dan berbangga dengan hamba-Nya kepada para malaikat. Allah berfirman: "Apakah yang dikehendaki oleh mereka itu?* ". (H.R Muslim).

Wuquf di Arafah adalah rukun haji. Wukuf hingga terbenam matahari adalah wajib haji. Wajib juga bagi setiap jemaah haji memastikan bahawa mereka betul-betul berada di bumi Arafah, kerana ramai di kalangan jemaah tidak mengambil berat tentang sempadan Arafah, lantas mereka berwuquf di luar kawasan Arafah dan mengakibatkan mereka yang melakukan sedemikian tidak mendapat haji.

Setelah terbenam matahari berangkatlah menuju ke Muzdalifah dengan keadaan tenang, kerana sabda Rasulullah r :

((أيها الناس، السكينة، السكينة!)) رواه مسلم.

"*Wahai manusia: Bertenang! Bertenang*!". (H.R Muslim).

Setelah sampai di Muzdalifah, tunaikanlah solat maghrib dan isya' secara *jama' ta'khir*, maghrib tiga raka'at dan isya' dua raka'at. Sunat bagi jemaah haji tidak melakukan solat maghrib dan isya' kecuali di Muzdalifah sebagai mengikuti perbuatan Rasulullah r , kecuali kalau dikhuatiri terlewat sampai hingga keluar waktu isya' maka pada ketika itu solatlah di mana-mana tempat yang boleh.

Ber*mabit*lah (tidurlah) di Muzdalifah dengan tidak melakukan ibadat solat atau lainnya, kerana Nabi r tidak melakukannya, menurut riwayat Muslim daripada Jabir t :

(أن النبي r أتى المزدلفة، فصلى بها المغرب والعشاء، بأذان واحد وإقامتين، ولم يسبح بينهما شيئاً، ثم اضطجع حتى طلع الفجر) مسلم.

"*Nabi r tatkala sampai di Muzdalifah, Baginda menunaikan solat maghrib dan isya' dengan satu azan dan dua kali iqamat. Baginda tidak melakukan solat sunat rawatib di antara dua solat*, *kemudian Baginda tidur hingga terbit fajar*".

Harus bagi orang yang uzur dan lemah berangkat dari Muzdalifah menuju ke Mina selepas setengah malam untuk melontar Jamrah Aqabah. Adapun orang yang sihat dan tidak bersama dengan golongan yang lemah hendaklah berada di Muzdalifah hingga terbit fajar.

Perbuatan kebanyakan orang sekarang berebut-rebut untuk melontar waktu malam bagi mengelakkan kesesakan bercanggah dengan petunjuk dan ajaran Rasulullah r .

Setelah selesai menunaikan solat fajar di Muzdalifah, berwuquflah di *al-Masy'aril Haram* (Muzdalifah) dengan menghadap ke arah kiblat dan berdoa kepada Allah dengan doa yang banyak serta mengangkat kedua tangannya hingga betul-betul cerah.

Sah wuquf (berada) di mana-mana pun di bumi Muzdalifah, kerana sabda Nabi r :

((وقفت ها هنا، وجمع كلها موقف)) رواه مسلم.

"*Saya berwuquf di sini dan Jam' (Muzdalifah) semuanya tempat wuquf*". (H.R. Muslim).

Kemudian berangkatlah menuju ke Mina sebelum naik matahari hari raya. Lontarlah Jamrah Aqabah -iaitu Jamrah besar yang paling hampir dengan Makkah- dengan tujuh

biji anak batu. Saiz setiap biji batu adalah besar sedikit daripada kacang tanah.

Telah sepakat para ulama’ mengatakan harus melontar dari semua sudut, yang afdhalnya menjadikan Ka’bah berada di sebelah kirinya dan Mina di sebelah kanannya, berdasarkan hadis Ibnu Mas‘ud t :

(أنه انتهى إلى الجمرة الكبرى، فجعل البيت عن يساره، ومنى عن يمينه، ورمى بسبع، وقال: هكذا رمى الذي أنزل عليه سورة البقرة) متفق عليه.

“*Setelah sampai di Jamrah Aqabah, beliau menjadikan Ka’bah berada di sebelah kirinya dan Mina di sebelah kanannya serta melontar dengan tujuh biji batu dan berkata: 'Demikianlah orang yang turun ke atasnya Surah al-Baqarah (Rasulullah r) melontar*”. (Muttafaq ‘alaih).

Tidak harus melontar dengan batu yang besar, kasut dan selipar.

Waktu untuk bertalbiyah tamat dengan melontar Jamrah Aqabah.

Menurut sunnah, jemaah haji hendaklah melontar dahulu, kemudian menyembelih *hadyu* (dam) sekiranya dia mengerjakan haji tamattu’ atau qiran, kemudian bercukur atau bergunting. Bercukur lebih afdhal bagi lelaki, kerana Nabi r mendoakan bagi orang yang bercukur dengan rahmat dan keampunan sebanyak tiga kali dan sekali sahaja bagi orang yang bergunting, sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Kemudian pergilah ke Makkah untuk melakukan tawaf ifadhah.

Inilah sunnah Rasulullah r berdasarkan hadis Jabir bin Abdullah y, katanya:

(أن النبي r أتى الجمرة التي عند الشجرة، فرماها بسبع حصيات، يكبر مع كل حصاة منها، مثل حصى الخذف، رمى من بطن الوادي، ثم انصرف إلى المنحر فنحر، ثم ركب رسول الله r ، فأفاض إلى البيت فصلى بمكة الظهر).

“*Nabi* r *datang ke Jamrah yang berdekatan dengan pokok (Jamrah ‘Aqabah). Baginda melontarnya dengan tujuh biji batu. Baginda bertakbir setiap kali melontar. Ukuran biji batu lontaran besar sedikit daripada kacang tanah. Baginda melontarnya dari lembah (wadi) kemudian berpaling menuju ke tempat sembelihan dan menyembelih hadyu kemudian Baginda menaiki kenderaannya ke Makkah melakukan tawaf ifadhah dan menunaikan solat zuhur di Makkah*”.

Sesiapa yang mendahulukan salah satu amalan daripada empat amalan tersebut (melontar, bercukur atau bergunting, sembelih hadyu dan tawaf) di atas yang lain, tidak menjadi kesalahan ke atasnya. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Umar y yang menceritakan perjalanan haji wada’:

(وقف رسول الله r والناس يسألونه، قال: ”فما سئل رسول الله r يومئذ عن شيء قُدِّم أو أُخِّر إلا قال: ((افعل ولا حرج)).

“*Rasulullah* r *berdiri dan orang ramai bertanya kepadanya. Tidak ada satu soalan yang berhubung dengan amalan hari itu (Mina), didahulukan atau dikemudiankan melainkan Baginda menjawabnya: “Lakukanlah, ia tidak menjadi kesalahan*”.

Apabila seseorang yang melakukan haji telah melakukan tawaf, sekiranya dia melakukan haji tamattu’, hendaklah dia melakukan sa‘ie selepas tawaf ifadhah. Ini kerana sa‘ie yang dilakukan sewaktu mula-mula sampai dahulu adalah untuk umrah, maka wajib ke atasnya melakukan sa‘ie untuk haji pula. Sekiranya dia melakukan haji ifrad atau qiran, jika dia telah melakukan sa‘ie selepas tawaf qudum tidak perlu lagi baginya melakukan sa‘ie kali kedua, berdasarkan hadis Jabir t :

(لم يطف النبي r ، ولا أصحابه، بين الصفا والمروة، إلا طوافاً واحداً طوافه الأول)

رواه مسلم.

“*Rasulullah r serta para sahabat tidak melakukan sa‘ie di antara Safa dan Marwah kali kedua selain dari sa‘ie yang pertama dahulu*”. (H.R Muslim).

Hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijjah) adalah hari melontar bagi mereka yang tidak melakukan *nafar awal*. Bagi orang yang melakukan *nafar awal* hendaklah melontar pada hari ke 11 dan 12, berdasarkan firman Allah Ta‘ala:

ïnøã NÛ] Ixù ÈÉBöþ 'Î ®ø¤ è? `Jù ;N°Šr‰èB Ó$f& þÎ ©$(r•ãä®$ * â

(البقرة: 203). á 4+?$ÇJÏ ïnøã NÛ] Ixù •¨z '? `Br

“*Dan berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah dalam beberapa hari yang berbilang. Sesiapa yang ingin segera berangkat (dari Mina) sesudah dua hari, maka tiada dosa baginya dan sesiapa yang ingin menangguhkannya (sehingga hari 13) maka tidak ada dosa pula baginya, bagi orang yang bertaqwa*”. (Al-Baqarah: 203).

Jemaah haji hendaklah memulakan lontaran dengan melontar *Jamrah Ula* -iaitu Jamrah yang berdekatan dengan Masjid Khaif- dengan tujuh biji batu. Kemudian *Jamrah Wusta* dengan tujuh biji batu, kemudian diikuti dengan *Jamrah ‘Aqabah* dengan tujuh biji batu dengan bertakbir setiap kali melontar.

Menurut sunnah, selepas sahaja melontar Jamrah Ula hendaklah berpaling ke arah kiblat, jadikan Jamrah berada di sebelah kirinya dan berdoa dengan doa yang panjang. Demikian juga selepas melontar Jamrah Wusta, berpaling ke arah kiblat dan jadikan Jamrah berada di sebelah kanannya dan berdoa dengan doa yang panjang. Adapun

selepas melontar Jamrah ‘Aqabah, tidak disunatkan berhenti dan berdoa selepasnya.

Waktu melontar (pada hari Tasyriq) bermula selepas *zawal* (masuk waktu zuhur), berdasarkan hadis Ibnu Umar y katanya:

(**كنا نتحيّن، فإذا زالت الشمس رمينا**) رواه البخاري.

“*Kami menunggu (untuk melontar), apabila gelincir matahari (masuk waktu zuhur) kami terus melontar*”. (H.R. Al-Bukhari).

Para ulama’ telah bersepakat (ijma’) mengatakan bahawa akhir waktu melontar pada hari Tasyriq ialah dengan terbenamnya matahari pada hari ke 13 Zulhijjah. Sekiranya matahari telah terbenam dan masih ada lagi orang yang belum melontar, maka tidak boleh baginya untuk melontar dan wajib ke atasnya menyembelih dam.

Jemaah haji mesti ber*mabit* (bermalam) di Mina pada malam hari tasyriq, 11 dan 12 Zulhijjah. Apabila terbenam matahari pada hari ke 12, jemaah haji yang belum lagi keluar dari Mina, wajib ke atas mereka bermabit pada malam tiga belas dan melontar keesokan harinya (hari 13 Zulhijjah).

Apabila selesai semua amalan haji, setiap jemaah yang ingin meninggalkan Makkah hendaklah melakukan tawaf wada’. Tawaf wada’ adalah merupakan salah satu daripada wajib haji menurut kebanyakan (jumhur) ulama’. Ianya dikecualikan daripada perempuan yang sedang haid dan nifas, berdasarkan hadis Ibnu ‘Abbas y katanya: Sabda Rasulullah r:

((**لا تنفرنَّ أحدٌ حتى يكون آخر عهده بالبيت**)). وفي رواية: ((**إلا أنه خفف عن المرأة الحائض**)) رواه مالك وأصله في صحيح مسلم.

“*Jangan seorang pun meninggalkan Makkah hingga dia menjadikan akhir amalan haji di Baitullah*”.

Menurut riwayat yang lain: "*Melainkan ianya diberi kelonggaran kepada perempuan yang haid*". (H.R. Malik, asalnya dalam Sahih Muslim).

Menurut kebanyakan ulama', tawaf ifadhah telah memadai daripada melakukan tawaf wada' bagi mereka yang mengakhirkan tawaf ifadhah sebelum musafir meninggalkan Makkah.

Disunatkan bagi mereka yang pulang ke negerinya selepas mengerjakan haji membaca doa seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Ibnu Umar **y**: "Apabila Nabi **r** kembali dari berperang atau mengerjakan haji atau umrah, Baginda mengucapkan takbir setiap kali naik ke tempat tinggi, kemudian membaca:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، آيِبُونَ تَائِبُونَ، عَابِدُونَ، لِرَبِّنَا حَامِدُونَ، صَدَقَ اللَّهُ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ.

"*Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu. Kami kembali dengan bertaubat, menghambakan diri dan kepada Tuhan kami mengucapkan puji-pujian. Allah telah menepati janji-Nya dan membela hamba-Nya dan mengalahkan tentera musuh dengan sendiri-Nya*".

*   *   *

[Abu Anas Madani, al-Madinah al-Munawwarah.
23 R. Awwal 1424H bersamaan 24 May 2003M].